

قَتِيْن تِيْتِه

PETIKAN TITAH

"SAYUGIA diingat, bahawa kemerdekaan adalah sebahagian dari sejarah bangsa, dan malah merupakan 'mahkota' bangsa. Mencecaikan kemerdekaan bermakna mencecaikan sejarah, serta sekali gus 'menyambarkan' mahkota bangsa". - Titah Sempena Sambutan Hari Kebangsaan Kali Ke-33, Tahun 2017.



Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانيسن ايمان
MANISNYA IMAN

"DAN sebutlah nama Tuhanmu serta tumpukanlah (amal ibadatmu) kepada-Nya dengan penuh hati". - Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Muzammil, ayat 8.

WAKTU SEMBAHYANG

IMSAK 4.40

SUBUH 4.50

SYURUK 6.13

DUHA 6.36

ZUHUR 12.10

ASAR 3.31

MAGHRIB 6.04

ISYAK 7.18

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 66 / BILANGAN 143

29 NOVEMBER 2021 / 1443 ربيع الآخر 24

JABATAN PENERANGAN

EDISI ISNIN / PERCUMA

BERKENAN MENERIMA MENGADAP



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Tiffany McDonald yang akan menamatkan perkhidmatan.

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 27 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan

dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Tiffany McDonald yang akan menamatkan perkhidmatan.

Puan Yang Terutama menyebarkan Surat Tauliah Pelantikan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, pada 10 September 2020.

Majlis Mengadap tersebut berlangsung di Istana Nurul Iman.

IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN
Pelita Brunei | pelitabrunei | pelitabrunei

Berita Utama

MOHON keselamatan, perlindungan semua
Muka 7

MELESTARIKAN keunggulan ilmu, khazanah Islam
Muka 8

RENCANA
TANGANI isu HIV / AIDS sewajarnya
Muka 20

44 kes baharu COVID-19 dikesan

Oleh : Nooratihi Haji Abas

BERAKAS, Ahad, 28 November. - Negara Brunei Darussalam mencatatkan sebanyak 44 kes baharu jangkitan COVID-19 yang disahkan, membawa jumlah keseluruhan kes COVID-19 kepada 15,036 orang.

Sementara itu, terdapat tambahan 10 kes baharu pada lima kluster aktif yang sedia ada, pada hari ini, yang merupakan kontak-kontak terdekat bersama beberapa kes positif sebelumnya.

Kenyataan itu, dikongsikan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, di Dewan Al-Afiah,

Kementerian Kesihatan, di sini.

Yang Berhormat juga menyatakan, bahawa tiga kluster baharu dikesan, yang melibatkan 27 kes.

Kluster-kluster baharu tersebut, jelas Yang Berhormat, adalah kluster kediaman, di mana dua di antaranya, iaitu Kluster Hamitan Group; dan Kluster D'Sunlit Staff House adalah kluster rumah, yang menempatkan pekerja-pekerja syarikat berkenaan.

Menurut Yang Berhormat lagi, tiga kluster pula ditutup, setelah tidak ada kes dikesan di dalam kluster berkenaan selama 28 hari. Oleh yang demikian, jumlah kluster yang aktif adalah 135 kluster.

>> Muka 2

"Ya Allah, Ya Tuhan kami, kiranya kami ini sudah terlanjur mengkufuri nikmat-Mu dengan kelakuan-kelakuan kami yang Engkau tidak redai, maka Engkau ampunkanlah kami dan kasihanilah kami dengan menarik balik wabak koronavirus daripada negara kami. Ya Allah mohon supaya Engkau bersihkan negara kami ini daripada wabak sebersih-bersihnya. Amin.

Wahabunallahu Wani'malwakeel, Walahaula Walaa Gowwata Illa Billahil 'Aliyil 'Azeem. Walhamdu Lillahi Rabbil 'Aalameen.

- Titah Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Selasa, 9 Muharam 1443 Hijrah bersamaan 17 Ogos 2021 Masihi di Istana Nurul Iman.

STATISTIK COVID-19
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
Maklumat setakat 28 NOVEMBER 2021, 5.00 petang

43	Tempatan
1	Import
45	Jumlah kes yang sembuh hari ini
15,036	Jumlah kes jangkitan
57	Jumlah kes kematian
14,412	Jumlah kes yang sembuh

Ministry of Health, Brunei Darussalam | mohbrunei | www.moh.gov.bn

44 KES BAHARU COVID-19 DIKESAN



YANG Berhormat Menteri Kesihatan pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, bertempat di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan.

>> Muka 1

"Terdapat satu kes import yang dicatatkan pada hari ini, yang telah tiba ke Negara Brunei Darussalam dari Jakarta melalui Singapura, dengan menaiki Penerbangan Singapura SQ148, pada 22 November 2021," tambah Yang Berhormat.

Selain itu, jelas Yang Berhormat, terdapat enam kes baharu masih dalam siasatan bagi mengenal

pasti sumber jangkitan.

"Sebanyak 45 kes disahkan sembuh hari ini, yang membawa jumlah kes yang telah sembuh di Negara Brunei Darussalam kepada 14,412 kes, manakala jumlah kes aktif ialah sebanyak 525 kes," jelas Yang Berhormat

Dalam kalangan kes-kes yang sedang ada dalam rawatan sekarang, empat kes, menurut Yang Berhormat, adalah dalam Kategori 5 dan sedang dirawat di

Unit Rawatan Intensif.

Kesemua mereka, tambah Yang Berhormat lagi, memerlukan bantuan mesin pernafasan (*artificial ventilation*), dengan satu kes memerlukan bantuan mesin tambahan Heart / Lung Machine (ExtraCorporeal Membrane Oxygenation - ECMO).

Sementara itu, tidak ada kes lain dikategorikan dalam Kategori 4, iaitu yang di bawah pemantauan rapi dan memerlukan bantuan oksigen.



Maklumat setakat 28 NOVEMBER 2021

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

Dalam tempoh 24 jam lalu, menurut Yang Berhormat, sebanyak 5,083 sampel diuji bagi virus SARS-CoV-2, yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada 612,963 ujian.

"Marilah kita memohon kepada Allah Subhanahu Wata'ala agar

semua Rakyat dan Penduduk Negara Brunei Darussalam sentiasa dikurniakan kesihatan, taufik dan hidayah.

"Mudah-mudahan kita semua terus diberikan pertolongan dan dikurniakan kejayaan dalam mengawal wabak ini jua. *Aamin Aamin Ya Rabbal Alamin,*" tambah Yang Berhormat.

WAKTU SEMBAHYANG

NOVEMBER MASIHI	RABIULAKHIR HARI	HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
29	ISNIN	24	4.40	4.50	6.13	6.36	12.10	3.31	6.04	7.18
30	SELASA	25	4.40	4.50	6.13	6.37	12.10	3.32	6.05	7.19
1	DISEMBER RABU	26	4.41	4.51	6.13	6.37	12.10	3.32	6.05	7.19
2	KHAMIS	27	4.41	4.51	6.14	6.38	12.11	3.32	6.05	7.19
3	JUMAAT	28	4.41	4.51	6.14	6.38	12.11	3.33	6.06	7.20
4	SABTU	29	4.42	4.52	6.15	6.39	12.11	3.33	6.06	7.20
5	AHAD	30	4.42	4.52	6.15	6.39	12.12	3.34	6.06	7.21

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI

	ISNIN	SELASA	RABU
Bandar Seri Begawan	31 24 °C	31 24 °C	32 24 °C
Pekan Bangar	30 24 °C	31 24 °C	31 24 °C
Pekan Tutong	31 24 °C	31 24 °C	32 24 °C
Kuala Belait	31 24 °C	31 24 °C	31 24 °C

Wallahualam Bissawab

Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

www.met.gov.bn

SIDANG PENGARANG 29 NOVEMBER 2021

Hargai setiap usaha, inisiatif kerajaan

ALHAMDULILLAH, Negara Brunei Darussalam telah mencapai sasaran 80 peratus penduduk mendapat pemberian vaksin lengkap, iaitu sebanyak dua dos vaksinasi. Kejayaan dalam mencapai sasaran negara bagi mewujudkan imuniti kelompok, iaitu keadaan perlindungan daripada suatu penyakit berjangkit disebabkan sebahagian besar masyarakat mempunyai imuniti atau daya tahan terhadap jangkitan penyakit melalui suntikan vaksin imunisasi ini ialah dengan berkat kerjasama semua pihak dalam sama-sama berusaha melindungi satu dengan yang lain.

Pelbagai usaha kerajaan terus dipertingkatkan, iaitu pemberian vaksin dos pertama dan kedua secara berterusan. Malahan pihak kerajaan melalui Kementerian Kesihatan dengan giat menjalankan inisiatif, seperti Perkhidmatan Klinik Vaksinasi COVID-19 Bergerak yang telah dan akan dijalankan, di beberapa tempat yang strategik dalam memastikan semua rakyat dan penduduk negara ini mendapat vaksinasi yang sepatutnya.

Program Vaksinasi Kebangsaan (PVK) bagi Pelajar-pelajar Berumur 12 hingga 17 Tahun, atas kerjasama Kementerian Pendidikan bersama Kementerian Kesihatan, yang bermula pada 8 November 2021 bagi dos pertama juga sempurna dijalankan, pada 19 November 2021 dan akan diteruskan nanti bagi dos kedua.

Usaha kerajaan melalui Kementerian Kesihatan juga meneruskan fasa pemberian vaksin dos ketiga bagi individu yang berumur 50 tahun ke atas dan telah melengkapkan dua dos vaksinasi yang bermula, pada 26 November 2021. Usaha dan inisiatif kerajaan berkenaan dilaksanakan dengan penuh dedikasi dan semangat oleh petugas-petugas barisan hadapan dalam menzahirkan pengorbanan dan cinta kepada agama, raja dan negara yang tercinta.

Mengambil kira situasi jangkitan wabak COVID-19 serta keperluan bagi menilai dengan lebih lanjut impak Fasa Peralihan yang baru sahaja bermula, pada 19 November 2021, Jawatankuasa Pandu COVID-19 memaklumkan, bahawa langkah-langkah pengawalan Operasi Peralihan iaitu arahan untuk berada di rumah atau kediaman masing-masing dari jam 10.00 malam sehingga 4.00 pagi adalah dilanjutkan selama dua minggu lagi, iaitu mulai Rabu, 1 Disember 2021 hingga Selasa, 14 Disember 2021. Oleh itu, rakyat negara ini diseru untuk mematuhi segala arahan dan peraturan yang telah ditetapkan.

Dari sidang ini berharap seluruh rakyat dan penduduk akan sentiasa membantu, menyokong dan menghargai segala usaha dan inisiatif kerajaan secara langsung atau tidak dan mendisiplinkan diri mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan oleh pihak kerajaan terutama dari Kementerian Kesihatan. Sentiasalah berdoa semoga wabak COVID-19 ini diangkat dari Negara Brunei Darussalam. *Amin Ya Rabbal Alamin.* - **Ketua Penyuntingan (Hb)**

KLINIK VAKSINASI COVID-19 BERGERAK DITERUSKAN



YANG Berhormat Menteri Kesihatan pada Sidang media berkenaan.

BERAKAS, Ahad, 28 November. - Sebanyak 2,594 orang menerima suntikan vaksin COVID-19, pada 27 November 2021 dan ini bermakna, di bawah Program Vaksinasi Kebangsaan, seramai 402,966 orang telah menerima satu dos vaksin COVID-19, iaitu 93.7

■ **PERKHIDMATAN** Klinik Vaksinasi COVID-19 Bergerak akan dijalankan di Klinik Kesihatan Kampung Bolkiah, pada Selasa, 30 November 2021, dari jam 9.30 pagi hingga 2.30 petang, khusus bagi Penduduk Kampung Bolkiah 'A'; dan 'B' juga kawasan persekitaran di Mukim Sungai Kebun, yang dijadualkan untuk menerima suntikan vaksin dos kedua.

■ **KLINIK** Vaksinasi juga dibukakan untuk penduduk kampung, yang berumur 18 tahun ke atas dan belum lagi menerima suntikan vaksin COVID-19.

■ **PENDUDUK** setempat yang ingin mendapatkan suntikan COVID-19, ujar Yang Berhormat, bolehlah datang terus secara *walk-in*, dengan membawa kad pengenalan / pasport; kad (atau nombor) Bru-HIMS, jika ada; dan Kad Vaksinasi COVID-19, iaitu hanya bagi mereka yang menerima suntikan dos kedua.

Pembukaan Pusat Penjagaan masih dalam penelitian

BERAKAS, Ahad, 28 November. - Situasi yang dialami oleh para ibu bapa mengenai Pembukaan Pusat Penjagaan bagi anak-anak yang berkeperluan khas, berumur di bawah 12 tahun, semasa ibu bapa mereka bekerja 'Work From Office',

antara soalan yang dikemukakan oleh pihak media, hari ini.

Justeru, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar menjelaskan perkara tersebut sedang diteliti, di mana

jawatankuasa juga mengerti akan keperluannya dan melihat bagaimana pengurusan dalam Fasa Peralihan Endemik ini.

Bukan itu sahaja, jawatankuasa terangnya, membincangkan sekali lagi dan masa ini sedang diteliti oleh agensi-agensinya dari kementerian-kementerian yang berkenaan.

"Dalam masa terdekat, keputusan akan dibuat macam mana kita dapat menolong mereka ini, bukan sahaja Orang Berkeperluan Khas, akan tetapi keperluan bagi orang biasa, seperti orang yang baru melahirkan anak," tambah Yang Berhormat, pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, bertempat di Dewan Al-'Afiyah, Kementerian Kesihatan.

Dalam kesempatan itu, Yang Berhormat sekali lagi menyatakan, bahawa Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) telah membukakan bagi pengambilan pembantu rumah ke Negara Brunei Darussalam.

Sehubungan itu, orang ramai ujar Yang Berhormat, dibenarkan untuk mengambil pembantu rumah dan sebagainya dari luar negara juga perlu memohonnya.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

peratus daripada jumlah penduduk negara.

Manakala, 344,418 orang pula melengkapkan dua dos vaksin COVID-19, iaitu 80.1 peratus daripada jumlah penduduk negara.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar mengongsikan perkara itu, dalam Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, yang diadakan di Dewan Al-'Afiyah, Kementerian Kesihatan.

Seterusnya, Kementerian Kesihatan juga, kata Yang Berhormat memaklumkan, bahawa Perkhidmatan Klinik Vaksinasi COVID-19 Bergerak akan dijalankan di Klinik Kesihatan Kampung Bolkiah, pada Selasa, 30 November 2021, dari jam 9.30 pagi hingga 2.30 petang, khusus bagi Penduduk Kampung Bolkiah 'A'; dan 'B' juga kawasan persekitaran

di Mukim Sungai Kebun, yang dijadualkan untuk menerima suntikan vaksin dos kedua.

Yang Berhormat menambah, Klinik Vaksinasi juga dibukakan untuk penduduk kampung, yang berumur 18 tahun ke atas dan belum lagi menerima suntikan vaksin COVID-19.

Oleh yang demikian, penduduk setempat yang ingin mendapatkan suntikan COVID-19, ujar Yang Berhormat, bolehlah datang terus secara *walk-in*, dengan membawa kad pengenalan / pasport; kad (atau nombor) Bru-HIMS, jika ada; dan Kad Vaksinasi COVID-19, iaitu hanya bagi mereka yang menerima suntikan dos kedua.

"Bagi mereka yang memerlukan bantuan kenderaan untuk dibawa ke klinik, mereka bolehlah memaklumkan kepada Ketua Kampung.

"Manakala, bagi mereka yang tidak mampu untuk hadir sendiri ke Pusat-pusat Kesihatan berkenaan disebabkan masalah kesihatan atau kesukaran bergerak, mereka boleh mendaftar atau didaftarkan melalui Ketua Kampung bagi urusan vaksinasi, di rumah masing-masing," jelas Yang Berhormat lagi.

Sementara itu, tambah Yang Berhormat, bagi Operasi Peralihan yang dijalankan, dari jam 10.00 malam hingga 4.00 pagi tadi, sebanyak lapan pelanggaran arahan dikeluarkan denda kompaun, di seluruh negara, di mana enam daripadanya adalah pelanggaran arahan untuk berada di rumah.

MAKLUMAT PENTING COVID-19

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Operasi Peralihan dilanjutkan 2 minggu hingga 14 Disember

Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan mengambil kira situasi jangkitan wabak COVID-19 serta keperluan bagi menilai dengan lebih lanjut impak Fasa Peralihan yang baru saja bermula, pada 19 November 2021, Jawatankuasa Pandu COVID-19 memaklumkan, bahawa langkah-langkah pengawalan Operasi Peralihan, iaitu arahan untuk berada di rumah atau kediaman masing-masing, dari jam 10.00 malam hingga 4.00 pagi adalah dilanjutkan selama dua minggu lagi, iaitu mulai Rabu, 1 Disember 2021 hingga Selasa, 14 Disember 2021.

Pelanjutan Operasi Peralihan ini adalah bagi terus memastikan kebaikan dan kesejahteraan semua pihak terus terjamin.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong menyatakan perkara tersebut pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, di Dewan Al-'Afiyah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Patuhi segala arahan, peraturan bendung risiko penularan

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menegaskan, orang awam adalah dinasihatkan untuk mematuhi segala arahan atau peraturan yang ditetapkan oleh pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam sama-sama bekerjasama untuk membendung risiko penularan jangkitan COVID-19 di negara ini.

Belum lengkap vaksinasi : Boleh bertugas mulai 1 Disember

Sebagai langkah persediaan bagi menuju ke Fasa Endemik, bermula 1 Disember 2021, individu-individu yang belum melengkapkan vaksinasi mereka adalah dibolehkan untuk kembali bertugas ke pejabat (sektor kerajaan dan swasta).

Walaupun bagaimanapun, mereka adalah dikehendaki untuk menjalani Ujian Pantas Antigen (ART) setiap dua hari, nyata Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Perbelanjaan ART bakal penerima dos kedua, mereka yang dikecualikan bervaksin ditanggung majikan

Menurut Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, bagi kakitangan yang telah menerima satu dos vaksinasi dan sedang menunggu untuk mendapatkan dos kedua atau dikecualikan daripada mendapatkan vaksin COVID-19 disebabkan oleh masalah kesihatan, perbelanjaan ART akan ditanggung oleh majikan masing-masing.

"Akan tetapi, bagi kakitangan yang tidak bervaksinasi atas pilihan sendiri atau sebab peribadi (iaitu bukan dikecualikan atas sebab kesihatan), mereka hendaklah menanggung perbelanjaan ART masing-masing," ujar Yang Berhormat.

Kajian tahap antibodi penutralan akan dilaksanakan

Kementerian Kesihatan, menurut Yang Berhormat Menteri Kesihatan, dengan kerjasama Universiti Brunei Darussalam, Duke-NUS Medical School Singapura dan EYD Technology akan menjalankan satu kajian mengenai tahap antibodi penutralan (*neutralising antibodies*) yang dihasilkan oleh vaksin COVID-19 dalam kalangan penduduk Negara Brunei Darussalam (NBD).

Kajian ini, jelas Yang Berhormat, dibuat bagi membandingkan perlindungan imuniti atau *immunogenicity* vaksin-vaksin tersebut, di mana hasil daripada kajian ini akan dapat membantu dalam perangkaan strategi bagi program penggalak (*booster*) vaksin COVID-19 dan untuk mengoptimalkan strategi kesihatan awam, dalam mengawal pandemik COVID-19, di NBD.

3,000 individu akan terlibat dalam kajian mulai 29 November

Kajian mengenai tahap antibodi penutralan, nyata Yang Berhormat Menteri Kesihatan, akan bermula Isnin, 29 November 2021, di mana seramai 3,000 individu terpilih dalam kalangan penduduk yang telah melengkapkan vaksin sepenuhnya, dengan dua dos vaksin COVID-19, iaitu sama ada vaksin Sinopharm, Oxford-AstraZeneca atau Moderna, akan dijemput melalui Mesej Pesanan Ringkas (SMS) untuk mengambil bahagian dan hadir bagi ujian darah, di Institut Sains Kesihatan Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah, UBD.

Perjanjian susulan selepas dos penggalak


Para peserta kajian mengenai tahap antibodi penutralan juga akan menerima perjanjian susulan selepas mereka menerima dos penggalak (*booster dose*) untuk menilai kesan dos tambahan tersebut. Orang ramai yang terpilih adalah diseru untuk memberikan kerjasama dengan menyertai kajian tersebut nanti," terang Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Perkhidmatan Klinik Vaksinasi COVID-19 Bergerak di Klinik Kesihatan Kampung Bolkiah, 30 November

Kementerian Kesihatan memaklumkan, bahawa Perkhidmatan Klinik Vaksinasi COVID-19 Bergerak akan dijalankan di Klinik Kesihatan Kampung Bolkiah, pada Selasa, 30 November 2021, dari jam 9.30 pagi hingga 2.30 petang, khusus bagi Penduduk Kampung Bolkiah 'A'; dan 'B' juga kawasan persekitaran di Mukim Sungai Kebun, yang dijadualkan untuk menerima suntikan vaksin dos kedua.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan menambah, Klinik Vaksinasi juga dibukakan untuk penduduk kampung, yang berumur 18 tahun ke atas dan belum lagi menerima suntikan vaksin COVID-19.

TALIAN NASIHAT KESIHATAN COVID-19 148



74 KES BAHARU JANGKITAN COVID-19 DIKESAN



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri bersama Yang Berhormat Menteri Kesihatan pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, yang berlangsung di Dewan Al-'Afiyah, Kementerian Kesihatan.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Hamzah Mohidin

merupakan kluster kediaman persendirian.

Sementara itu, jelas Yang Berhormat, dua kluster ditutup setelah tidak ada kes dikesan, di dalam kluster berkenaan selama 28 hari, iaitu Kluster 10868; dan Kluster Simla Sdn. Bhd. Oleh yang demikian, jumlah kluster yang aktif adalah sebanyak 135 kluster.

"Manakala terdapat 15 kes baharu yang masih dalam siasatan bagi mengenal pasti sumber jangkitan.

"25 kes telah disahkan sembuh pada hari ini, yang membawa jumlah kes yang sembuh di Negara Brunei Darussalam kepada 14,367 kes, manakala jumlah kes aktif ialah sebanyak 526 kes," ujar Yang Berhormat.

Dalam kalangan kes-kes yang sedang ada dalam rawatan sekarang, empat kes adalah dalam Kategori 5 dan sedang dirawat di Unit Rawatan Intensif. Kesemua mereka memerlukan bantuan mesin pernafasan (*artificial ventilation*) dengan satu kes memerlukan bantuan mesin tambahan Heart / Lung Machine (ECMO). Sementara itu, tidak ada kes lain dikategorikan dalam Kategori 4, iaitu yang di bawah pemantauan rapi dan memerlukan bantuan oksigen.

Dalam tempoh 24 jam lalu, sebanyak 2,710 sampel diuji bagi virus SARS-CoV-2, yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada 607,880 ujian.

■ **Di bawah Program Vaksinasi Kebangsaan, seramai 402,574 orang telah menerima satu dos vaksin COVID-19, iaitu 93.6 peratus daripada jumlah penduduk negara. Manakala 342,216 orang telah melengkapkan dua dos vaksin COVID-19, iaitu 79.6 peratus daripada jumlah penduduk negara.**

■ **OPERASI Peralihan yang dijalankan, dari jam 10.00 malam hingga 4.00 pagi tadi, sebanyak tujuh pelanggaran arahan dikeluarkan denda kompaun, di seluruh negara, di mana empat daripadanya adalah pelanggaran arahan untuk berada di rumah.**

Yang Berhormat, seterusnya mengongsikan, seramai 453 orang menerima suntikan vaksin COVID-19, kelmarin, 26 November 2021.

"Ini bermakna, di bawah Program Vaksinasi Kebangsaan, seramai 402,574 orang telah menerima satu dos vaksin COVID-19, iaitu 93.6 peratus daripada jumlah penduduk negara. Manakala 342,216 orang telah melengkapkan dua dos vaksin COVID-19, iaitu 79.6 peratus daripada jumlah penduduk negara," tambah Yang Berhormat.

Dalam pada itu, jelas Yang Berhormat, bagi Operasi Peralihan yang dijalankan, dari jam 10.00 malam hingga 4.00 pagi tadi, sebanyak tujuh pelanggaran arahan dikeluarkan denda kompaun, di seluruh negara, di mana empat daripadanya adalah pelanggaran arahan untuk berada di rumah.

"Marilah kita memohon kepada Allah Subhanahu Wata'ala agar semua rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam dirahmati dan dilindungi. Semoga *kitani* semua mensyukuri atas nikmat kesihatan yang diberikan dan memanfaatkannya dengan sebaik baiknya, di samping menyahut saranan pihak kerajaan ketika pandemik COVID-19 ini. Mudah-mudahan *kitani* semua terus diberikan pertolongan dan hidayah dan dikurniakan kejayaan dalam mengawal wabak ini jua. *Amiin Amiin Ya Rabbal Alamin*," jelas Yang Berhormat mengakhiri kenyataannya.

BERAKAS, Sabtu, 27 November. - Negara Brunei Darussalam mencatatkan sebanyak 74 kes baharu jangkitan COVID-19 hari ini, yang membawa jumlah keseluruhan kes COVID-19 di negara ini kepada 14,992 orang.

Terdapat tambahan 32 kes baharu pada empat kluster aktif yang sedia ada, pada hari ini, yang merupakan kontak-kontak terdekat bersama beberapa kes positif sebelumnya.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar mengongsikan kenyataan tersebut pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, yang berlangsung di Dewan Al-'Afiyah, Kementerian Kesihatan, di sini, petang tadi.

Yang Berhormat berkata, terdapat empat kluster baharu dikesan, yang melibatkan 27 kes. Kluster-kluster baharu ini



NBD ambil langkah berjaga-jaga

BERAKAS, Sabtu, 27 November. - Susulan dengan laporan kemunculan varian baharu yang dikenali sebagai varian Omicron, Negara Brunei Darussalam juga mengambil langkah berjaga-jaga, walaupun kemasukan dari negara-negara Afrika tersebut ke negara ini adalah jarang sekali.

Namun, sebagai satu langkah berwaspada, NBD akan melarang kemasukannya buat sementara waktu.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar menyatakan demikian pada sesi soal jawab semasa Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, yang berlangsung di Dewan Al-'Afiyah, Kementerian Kesihatan, di sini, petang tadi.

Bagi pihak Kementerian Kesihatan ujar Yang Berhormat, beberapa perkara turut difikirkan

mengenai *variant of concern* ini, sama ada virus tersebut boleh dikesan dengan keupayaan yang ada pada masa ini.

"Selain itu, mengambil kira berapa lama ia boleh menjangkiti, adakah ia boleh mengakibatkan gejala yang lebih teruk dan apakah kesannya terhadap vaksinasi kita," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat menyatakan, perkara yang disebutkan itu tidak semestinya semua, malah jika terdapat satu pun, ia boleh merubah perancangan negara bagi Peralihan ke Endemik nanti.

Menurut Yang Berhormat lagi, dengan kenyataan yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), maka ia dianggap cukup serius.

"Seperti yang saya nyatakan semalam, ia akan mengambil masa beberapa minggu untuk mengetahui hal sebenarnya," Yang Berhormat menambah.

Operasi Peralihan dilanjutkan hingga 14 Disember

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Hamzah Mohidin

BERAKAS, Sabtu, 27 November. - Pada junjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan mengambil kira situasi jangkitan wabak COVID-19 serta keperluan bagi menilai dengan lebih lanjut impak Fasa Peralihan yang baru saja bermula, pada 19 November 2021, Jawatankuasa Pandu COVID-19 memaklumkan, bahawa langkah-langkah pengawalan Operasi Peralihan, iaitu arahan untuk berada di rumah atau kediaman masing-masing, dari jam 10.00 malam hingga 4.00 pagi adalah dilanjutkan selama dua minggu lagi, iaitu mulai Rabu, 1 Disember

2021 hingga Selasa, 14 Disember 2021.

Pelanjutan Operasi Peralihan ini adalah bagi terus memastikan kebaikan dan kesejahteraan semua pihak terus terjamin.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong menyatakan perkara tersebut pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, di Dewan Al-'Afiyah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Oleh itu, tegas Yang Berhormat, orang awam adalah dinasihatkan untuk mematuhi segala arahan atau peraturan yang ditetapkan oleh pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam sama-sama bekerjasama untuk membendung risiko penularan jangkitan COVID-19 di negara ini.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri pada Sidang Media tersebut.

KEBENARAN MASUK - KELUAR AFRIKA DITANGGUHKAN



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri pada Sidang Media tersebut.

BERAKAS, Sabtu, 27 November. - Berikutan terdapatnya laporan mengenai varian baharu COVID-19 yang dinamakan varian Omicron, yang dilaporkan pertama kali dikesan di Afrika, Jawatankuasa Pandu COVID-19 dengan ini memaklumkan, bahawa kebenaran kemasukan dan keluar negeri bagi

lapan buah negara di Afrika, iaitu Afrika Selatan, Botswana, Eswatini, Lesotho, Malawi, Mozambique, Namibia dan Zimbabwe adalah dengan ini ditangguhkan sementara dengan serta-merta sehingga ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong menjelaskan perkara tersebut pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan.

Yang Berhormat berkata, penangguhan kebenaran ini juga dikenakan bagi warganegara asing yang telah diberikan kebenaran awal untuk memasuki Negara Brunei Darussalam dari negara-negara berkenaan melalui penerbangan yang telah dibenarkan sebelum ini, maka

kebenaran tersebut adalah juga ditarik balik.

Penangguhan kebenaran keluar dan masuk ini adalah sebagai langkah tambahan bagi memberikan ruang kepada pihak kerajaan untuk memantau dan meneliti dengan lebih mendalam mengenai varian baharu tersebut.

Walau bagaimanapun, ujar Yang Berhormat, perlu diingat, bahawa kemunculan varian-varian baharu memang satu perkara yang biasa dalam evolusi kebanyakan virus, termasuk COVID-19 ini.

InsyaaAllah, dengan usaha negara ini meningkatkan liputan vaksinasi, termasuk juga vaksinasi penggalak (*booster*) akan dapat melindungi rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam ke arah pemuliharaan ke Fasa Endemik dengan selamat.

"Oleh itu, marilah kita sama-sama mendukung hasrat kerajaan supaya kita semua turut sama-sama memelihara

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Hamzah Mohidin

keselamatan dan kesejahteraan awam dengan mematuhi protokol kesihatan dan garis panduan yang telah ditetapkan. Di atas kerjasama semua pihak setentunya sangat-sangat dihargai. Kita hendaklah terus

berdoa dan sama-sama berusaha di samping bertawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala supaya kita dihindari dan terselamat daripada penyakit wabak COVID-19," jelas Yang Berhormat.

■ **BERIKUTAN** terdapatnya laporan mengenai varian baharu COVID-19 yang dinamakan varian Omicron, yang dilaporkan pertama kali dikesan di Afrika, Jawatankuasa Pandu COVID-19 dengan ini memaklumkan, bahawa kebenaran kemasukan dan keluar negeri bagi lapan buah negara di Afrika, iaitu Afrika Selatan, Botswana, Eswatini, Lesotho, Malawi, Mozambique, Namibia dan Zimbabwe adalah dengan ini ditangguhkan sementara dengan serta-merta sehingga ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.

■ **PENANGGUHAN** kebenaran ini juga dikenakan bagi warganegara asing yang telah diberikan kebenaran awal untuk memasuki Negara Brunei Darussalam dari negara-negara berkenaan melalui penerbangan yang telah dibenarkan sebelum ini, maka kebenaran tersebut adalah juga ditarik balik.

Belum lengkap vaksin boleh bertugas ke pejabat, 1 Disember

BERAKAS, Sabtu, 27 November. - Sebagai langkah persediaan bagi menuju ke Fasa Endemik, bermula 1 Disember 2021, individu-individu yang belum melengkapkan vaksinasi mereka adalah dibolehkan untuk kembali bertugas ke pejabat (sektor kerajaan dan swasta).

Walau bagaimanapun, mereka adalah dikehendaki untuk menjalani Ujian Pantas Antigen (ART) setiap dua hari.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong menjelaskan demikian pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan.

Menurut Yang Berhormat, bagi kakitangan yang telah menerima satu dos vaksinasi dan sedang menunggu untuk mendapatkan dos kedua atau dikecualikan daripada mendapatkan vaksin COVID-19 disebabkan oleh masalah kesihatan, perbelanjaan ART akan ditanggung oleh majikan masing-masing.

"Akan tetapi, bagi kakitangan yang tidak divaksinasi atas pilihan sendiri atau sebab peribadi (iaitu bukan dikecualikan atas sebab kesihatan), mereka hendaklah menanggung perbelanjaan ART masing-masing," ujar Yang Berhormat.

Peniaga masih kuarantin, belum dapat jalankan perniagaan

BERAKAS, Sabtu, 27 November. - Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong berkata, peniaga-peniaga di Pasar Pantai Jerudong ketika ini masih menjalani kuarantin dan belum dapat menjalankan perniagaan jualan mereka.

Walau bagaimanapun, ujar Yang Berhormat, sekiranya para peniaga berkenaan mempunyai saudara-mara yang tidak tinggal serumah, mereka boleh menghadapkan nama untuk diteliti oleh Jabatan Daerah Brunei dan Muara, bagi meneruskan perniagaan jualan mereka, dengan syarat saudara-mara mereka itu sudah melengkapkan vaksinasi dan mempunyai Kod QR berwarna Hijau.

Yang Berhormat menjelaskan demikian, semasa sesi soal jawab pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan.

Menurut Yang Berhormat, mereka juga dikehendaki untuk menjalani Ujian Pantas Antigen (ART) sebelum masuk ke tersebut.

Namun tambah Yang Berhormat lagi, sehingga kini, masih belum ada lagi yang meneruskan perniagaan mereka di pasar tersebut.

Kajian tahap antibodi peneutralan akan dijalankan

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Hamzah Mohidin

BERAKAS, Sabtu, 27 November. - Kementerian Kesihatan dengan kerjasama Universiti Brunei Darussalam (UBD), Duke-NUS Medical School Singapura dan EVYD Technology akan menjalankan satu kajian mengenai tahap antibodi peneutralan (*neutralising antibodies*) yang dihasilkan oleh vaksin COVID-19 dalam kalangan penduduk Negara Brunei Darussalam (NBD).

Kajian ini dibuat bagi membandingkan perlindungan imuniti atau *immunogenicity* vaksin-vaksin tersebut, di mana hasil dapatan daripada kajian ini akan dapat membantu dalam perangkaan strategi bagi program penggalak (*booster*) vaksin COVID-19 dan untuk mengoptimumkan strategi kesihatan awam, dalam mengawal pandemik COVID-19, di NBD.

Menteri Kesihatan, Yang

Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar mengongsikan perkara tersebut pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini, petang tadi.

"Dalam hal ini, bermula Isnin, 29 November 2021, seramai 3,000 individu terpilih dalam kalangan penduduk yang telah melengkapkan vaksin sepenuhnya dengan dua dos vaksin COVID-19, iaitu sama ada vaksin Sinopharm, Oxford-AstraZeneca atau Moderna akan dijemput melalui Mesej Pesanan Ringkas (SMS) untuk mengambil bahagian dan hadir bagi ujian darah di Institut Sains Kesihatan Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah, UBD. Para peserta juga akan menerima perjanjian susulan selepas mereka menerima dos penggalak



YANG Berhormat Menteri Kesihatan pada Sidang Media berkenaan.

(*booster dose*) untuk menilai kesan dos tambahan tersebut. Orang ramai yang terpilih adalah diseru untuk memberikan kerjasama dengan menyertai kajian tersebut nanti," terang Yang Berhormat.

Pelaksanaan Operasi 'Swab Sweep' di Kampung Kenua

■ **Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan**

TEMBURONG, Ahad, 28 November. - Sebagai salah satu inisiatif berterusan Kementerian Kesihatan dalam membendung penularan wabak COVID-19 di negara ini, satu Operasi 'Swab Sweep', iaitu pelaksanaan *swab* besar-besaran secara rambang di dalam masyarakat.

Hari ini, operasi melibatkan penduduk Kampung Kenua, Mukim Bokok, Daerah Temburong.

Operasi 'Swab Sweep' tersebut diselenggarakan oleh Pusat Penyelarasan Kebangsaan bagi COVID-19 (National Coordination Centre for COVID-19 - N3C19) dengan

melibatkan kerjasama beberapa agensi kerajaan, termasuk Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB); Task Force Support Group Angkatan Bersenjata Diraja Brunei; pasukan-pasukan dari Kementerian Kesihatan, iaitu Pasukan Swab Bergerak (Mobile Swabbing Team) dan Pasukan Community Isolation Centre (CIC) PKBN Temburong serta kerjasama dari Pejabat Daerah Temburong dan Ketua Kampung Kenua.

Seramai 118 orang penduduk Kampung Kenua menjalani Ujian Saringan Swab RT-PCR SARS-CoV-2, bertempat di Community Isolation Centre

(CIC) PKBN, Temburong.

Operasi 'Swab Sweep' yang dikendalikan ini adalah sebahagian daripada saringan bagi mengenal pasti jika terdapatnya kes-kes COVID-19 di dalam komuniti.

Operasi 'Swab Sweep' akan diteruskan dari semasa ke semasa dan dikendalikan oleh pelbagai agensi kerajaan yang diterajui oleh Pusat Penyelarasan Kebangsaan bagi COVID-19.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman sesawang Kementerian Kesihatan di www.moh.gov.bn atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148.

JANGAN TERBURU-BURU, 'ISKI' MEMASUKI FASA ENDEMIK



MAJLIS Malam Munajat anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) bagi minggu ke-11 dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan bacaan Surah Al-Fatihah, dipimpin oleh Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 27 November. - Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman menasihati warga Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan orang ramai agar jangan terburu-buru dan 'iski' juga tergesa-gesa bagi memasuki Fasa Endemik, sepertimana juga yang disarankan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan, pada Sidang

Media, baru-baru ini.

"Kita belum sampai dua minggu dan baru lapan hari memasuki Fasa Peralihan, jadi berilah kesempatan masa yang cukup bagi pihak-pihak berkenaan, terutamanya pihak Kementerian Kesihatan bagi menilai adakah kita benar-benar bersedia dan cukup bersedia bagi memasuki Fasa Endemik itu nanti," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat turut mengambil kesempatan merakamkan penghargaan terima

kasih kepada jemaah masjid yang telah datang menghadiri Sembahyang Fardu Jumaat lepas, yang memasuki minggu kedua Fasa Peralihan.

Setinggi-tinggi ucapan terima kasih juga diucapkan kepada barisan petugas pasukan beruniform, Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid, para sukarelawan dan jemaah masjid, di mana hasil kerjasama, hormat-menghormati juga saling memahami kesemua pihak, maka Sembahyang Fardu Jumaat dapat

■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

berlangsung dengan baik.

Yang Berhormat memberikan ucapan nasihat sedemikian, pada Majlis Malam Munajat anjuran KHEU bagi minggu ke-11, malam tadi.

Turut hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar; Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abd. Rahman; Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu; dan Setiausaha Tetap Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan bacaan Surah Al-Fatihah, dipimpin oleh Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Awang Haji Adanan bin Haji Basar.

Seterusnya, bacaan Surah Yaa Siin beramai-ramai, dipimpin oleh Pegawai Pelajaran, Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanah Bolkiah, KHEU, Awang Muhammad Abu Hurairah bin Ariffin, diikuti dengan bacaan Doa Yaa Siin oleh Pemangku Penolong Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Asminan bin Haji Chuchu.

Majlis Malam Munajat juga diisikan dengan Zikir Istighfar dan Taubah beramai-ramai, diketuai oleh Pegawai Pelajaran Ugama Kanan / Ketua Bahagian

Sekolah-Sekolah Arab, JPI, KHEU, Pengiran Mohamad Aminuddin bin Pengiran Haji Hussin dan diteruskan dengan bacaan Doa Bagi Memohon Terhindar Dari Wabak COVID-19 oleh Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama.


Kemudian, majlis diteruskan dengan bacaan Asmaul Husna dan bacaan selawat beramai-ramai, dipimpin oleh johan Musabaqah Tilawah Al-Quran Peringkat Belia Kebangsaan 2020, Awangku Adi Nazri bin Pengiran Haji Jofri.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam, disampaikan oleh Imam Tingkat 1, Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Awang Kharul Ariffin bin Haji Yusof.

Turut sama menyertai Majlis Munajat, Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Timbalan Setiausaha Tetap KHEU; Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang; Ra'es KUPU SB, pengarah-pengarah, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai, guru-guru dan kakitangan KHEU serta juga Pegawai-pegawai Kanan dari Kementerian Pertahanan.

Sama - samalah kita meningkatkan kewaspadaan kita dalam mencegah penularan wabak ini dan sentiasa berdoa kepada Allah Subhanahu Wata'ala semoga negara kita akan dilindungi juga bebas daripada wabak berkenaan dengan izin-Nya jua.

Rahsia kejayaan : Tidak mengalah, berani ambil risiko



KETUA Pegawai Eksekutif Al-Huffaz Management, Haji Mohammad Loqman Al-Hakim bin Haji Hamdan ketika membuat perkongsian dalam program temu bual secara maya, iaitu Secawan Kopi Sejuta Bicara, anjuran Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

■ Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

TUTONG, Ahad, 28 November. - Keperibadian yang tidak mudah mengalah dan sentiasa ingin belajar, di samping tidak takut untuk gagal dan berani mengambil risiko, merupakan resipi kejayaan buat Ketua Pegawai Eksekutif Al-Huffaz Management, Haji Mohammad Loqman Al-Hakim bin Haji

Hamdan yang dikongsikan dalam program temu bual secara maya, iaitu Secawan Kopi Sejuta Bicara, anjuran Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS).

Beliau merupakan penerima Anugerah Hari Belia Kebangsaan Pemimpin Muda Belia 2020

yang dijemput pada kali ini untuk berkongsi pengalaman, usaha dan kejayaannya kepada orang ramai, terutama golongan belia sebagai inspirasi dan motivasi.

Syarikat Al-Huffaz Management merupakan sebuah platform perkhidmatan dan pengajaran keagamaan untuk orang ramai berhajat mencari guru Al-Quran atau Muqaddam.

Ditubuhkan pada 30 April 2016, semua tenaga pengajar merupakan anak tempatan lepasan Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanah Bolkiah (ITQSHHB) serta tenaga pengajar ugama di beberapa buah agensi kerajaan dan persatuan yang sudah menerima tauliah daripada pihak Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB).

Untuk mencari idea perusahaan, katanya, cubalah berpegang kepada tiga petua ini, iaitu ego, bermaksud yakin dapat membuat sesuatu dengan lebih baik; *complaint*, iaitu rungutan bagi mendapatkan penyelesaian kepada suatu masalah; dan minat (*passion*), kerana dengan latar belakang pendidikan Al-Quran yang mereka ada, ia menjadi kemahiran yang dapat dimanfaatkan untuk keperluan orang ramai.

Semasa ditanya apa yang menyebabkan Haji Loqman 'ragap hati' untuk memulakan perusahaan tersebut, beliau mengenal pasti persoalan yang penting, iaitu 'kenapa', kerana jika alasan untuk memulakan sesuatu sudah jelas, ia akan menjadi dorongan untuk maju ke hadapan.

"Jika saya berputus asa pada masa itu kerana tidak berjaya memulakan perusahaan, saya tidak akan mencapai apa yang dinikmati pada masa ini," kongsinya berikutan kesukaran pada peringkat awal mendaftarkan

syarikatnya.

Lagipun, katanya, dengan bertambahnya rakan pendidik dan para *asatizah* yang bernaung di bawah syarikatnya, beliau memikul amanah untuk mencari pelanggan dan meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan aktiviti teras syarikat berkenaan, iaitu menemukan orang yang ingin belajar Al-Quran dengan guru-guru yang tersedia.

Sebagai nasihat kepada para belia yang menghadapi cabaran dalam hidup masa ini, beliau memberikan kata semangat agar mereka teruskan mencuba sehingga mencapai kejayaan, kerana dalam hidup ini hanya ada dua perkara, iaitu kita berjaya dan kita belajar daripada kesilapan.

Sesi perkongsian turut dihadiri oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin; pegawai-pegawai dan kakitangan KKBS; serta dibukakan kepada orang ramai, khasnya golongan belia daripada sektor kerajaan, swasta dan NGO.

Program tersebut merupakan salah satu pengisian Kempen Hari Bertindak (D.O.A) sempena Sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa 2021. Sesi temu bual diadakan pada setiap Ahad bersama tetamu jemputan lain yang akan diumumkan dalam Instagram @dayofaction.brunei.

MOHON KESELAMATAN, PERLINDUNGAN SEMUA

**Siaran Akhbar dan Foto :
Majlis Kebangsaan Keselamatan**

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 27 November. - Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR) mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin, Tahlil, Doa Keselamatan, Doa Menghindari Penyakit Wabak COVID-19 dan Doa Peliharakan Sultan juga Negara Brunei Darussalam sempena Hari Memperingati Mangsa-Mangsa Lalu Lintas Jalan Raya Sedunia 2021 secara maya.

Majlis ini adalah sebahagian daripada acara yang dirancang bagi menyambut Hari Memperingati Mangsa-mangsa Lalu Lintas Jalan Raya Sedunia 2021.

Majlis ini diadakan dengan tujuan bagi memohon keberkatan dan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala untuk keselamatan negara ini, terutamanya pengguna-pengguna jalan raya agar sentiasa diberikan perlindungan daripada kemalangan juga perkara-perkara yang tidak diinginkan.

Hadir secara maya pada majlis itu, Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof selaku Pengerusi MKKJR.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Yaa Siin, Tahlil, Doa Keselamatan, Doa Menghindari Penyakit Wabak COVID-19 dan Doa Peliharakan Sultan juga Negara Brunei Darussalam, dipimpin oleh Imam Tingkat I, Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah Kampung Sungai Akar, Awang Abdul Razak bin Samat.

Majlis juga dihadiri secara maya oleh Timbalan Menteri Pembangunan, Yang Mulia Dato Seri Paduka Ar. Awang Haji Marzuke bin Haji Mohsin selaku Timbalan Pengerusi MKKJR; Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Iswandy bin

Ahmad selaku Ahli dan Ambassador MKKJR; Setiausaha Tetap-setiausaha tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC); Ahli-ahli MKKJR; Pegawai-pegawai Daerah; Ketua-ketua Eksekutif; Ketua-ketua Jabatan; Pegawai-pegawai dan Kakitangan MTIC juga jabatan-jabatan di bawahnya; agensi-agensi pihak berkuasa di bawahnya; juga pengusaha-pengusaha sekolah memandu dan bas seluruh negara.

Dalam kesempatan ini, MKKJR Negara Brunei Darussalam merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam memastikan keselamatan jalan raya terjaga, termasuk daripada perancangan, penyediaan dasar, penguatkuasaan, petugas kecemasan, NGO-NGO juga orang ramai.

Marilah kita sentiasa mematuhi peraturan jalan raya yang ditetapkan oleh pihak berkuasa. Amalkan sifat bersopan santun, hormat-menghormati dan bertolak ansur di jalan raya. Di samping itu, janganlah kita lupa kepada Allah Subhanahu Wata'ala pada setiap masa, keadaan dan tempat dengan mengamalkan doa dan zikir.

Sama-samalah kita berdoa semoga kita dihindarkan daripada perkara-perkara yang tidak diinginkan dan sentiasa berada dalam lindungan juga rahmat Allah Subhanahu Wata'ala. *Amin Ya Rabbal Alamin.*

YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi menyertai Majlis Membaca Surah Yaa Siin, Tahlil, Doa Keselamatan, Doa Menghindari Penyakit Wabak COVID-19 dan Doa Peliharakan Sultan juga Negara Brunei Darussalam sempena Hari Memperingati Mangsa-Mangsa Lalu Lintas Jalan Raya Sedunia 2021 secara maya.



Operasi Peralihan :

8 pelanggaran arahan dilaporkan

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 28 November. - Rakyat dan penduduk negara ini disarankan untuk terus mematuhi garis



PELANJUTAN tarikh Operasi Peralihan bertujuan untuk memastikan kebaikan dan kesejahteraan semua pihak sentiasa terjamin dalam usaha negara melaksanakan pembendungan risiko penularan jangkitan ini berada dalam keadaan terkawal dan dirangka dengan penuh strategik lagi holistik (atas dan kanan).

panduan serta Prosedur Operasi Standard (SOP) COVID-19 yang ditetapkan oleh pihak kerajaan, selaras dengan perlanjutan

langkah-langkah pengawalan di bawah Operasi Peralihan sehingga 14 Disember 2021.

Pelanjutan tarikh tersebut bertujuan untuk memastikan kebaikan dan kesejahteraan semua pihak sentiasa terjamin dalam usaha negara melaksanakan pembendungan risiko penularan jangkitan ini berada dalam keadaan terkawal dan dirangka dengan penuh strategik lagi holistik.

Hasil daripada Operasi Peralihan yang dijalankan pada 27 November 2021 yang bermula pada jam 10.00 malam sehingga 4.00 pagi mencatatkan sebanyak lapan pelanggaran arahan, iaitu dua kesalahan dilaporkan di Daerah Brunei dan Muara; dan enam kesalahan dilaporkan di Daerah Belait.


Menerusi hasil jumlah dapatan terhadap pelanggaran arahan berkenaan mendapati masih lagi terdapat segelintir masyarakat awam yang masih degil terhadap

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei


pematuhan arahan yang ditekankan.

Oleh yang demikian, PPDB mengingatkan dan menegaskan bahawa pihak polis bersama agensi penguat kuasa yang berkaitan tidak akan berkompromi

dengan mana-mana individu yang ingkar dan akan memastikan tindakan setimpal akan dikenakan berdasarkan peruntukan undang-undang yang ditetapkan di Negara Brunei Darussalam.



MEMPERKASA KOMUNITI TANGANI ISU SOSIAL



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyertai forum bertajuk 'Memperkas Komuniti', satu pendekatan Alternatif Menangani Masalah Sosial khusus bagi Isu Penderaan bagi Wanita dan Kanak-kanak 2021, yang diadakan secara maya melalui aplikasi Zoom.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 27 November. - Suruhanjaya ASEAN dalam Mempromosi dan Melindungi Hak Wanita dan Kanak-kanak bagi Negara Brunei Darussalam (ACWC Brunei Darussalam), dengan kerjasama Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri; Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU); dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mengadakan forum bertajuk

'Memperkas Komuniti', satu pendekatan Alternatif Menangani Masalah Sosial khusus bagi Isu Penderaan bagi Wanita dan Kanak-kanak 2021, yang diadakan secara maya melalui aplikasi Zoom.

Hadir selaku tetamu kehormat, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato

Seri Paduka Haji Abidin.

Forum perbincangan tersebut memfokuskan kepada penderaan kepada kaum wanita sempena Hari Antarabangsa Pembantaran Keganasan Terhadap Wanita 2021.

Moderator bagi forum tersebut, Penyarah dari Penyelaras Kokurikulum Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Hajah Ummi Fa'izah binti Haji Abd. Rahman, dan ahli-ahli panel, terdiri

daripada Pesuruhjaya Hak Wanita ACWC Brunei Darussalam, Dayang Hajah Normah Suria Hayati binti Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Profesor Kehormat (Dr.) Awang Haji Mohd. Jamil Al-Sufri; Pemangku Penolong Pengarah Hal Ehwal Masjid, KHEU, Awang Haji Asminan bin Haji Chuchu; dan Penolong Pengarah, Bahagian Keluarga, Wanita dan Kanak-kanak, Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Dayang Siti Zaharah binti Haji Abdul Razak.

Forum tersebut bertujuan untuk membarigakan konsep 'Memperkas Komuniti' sebagai usaha menangani masalah sosial menggandungi usaha yang berjalan, pada masa ini.

Konsep berkenaan melibatkan sukarelawan daripada ahli-ahli takmir masjid, Muslimah dan belia masjid juga menggunakan masjid sebagai Pusat Pengendalian Projek.

Projek berkenaan meliputi semua aspek permasalahan sosial, termasuk kemiskinan, hal ehwal kanak-kanak dan kaum wanita, di mana tujuan projek ini dikendalikan ialah untuk sama-sama melibatkan komuniti atau masyarakat, dalam sama-sama menangani isu sosial, di peringkat kampung atau mukim.

Pelaksanaannya akan melibatkan para Ahli Takmir Masjid, Muslimah-muslimah dan

Oleh : Haniza Latif
Foto : Azmah Haji Ahad

para Belia Masjid sebagai sukarelawan.

Masjid dijadikan sebagai pusat bagi pelaksanaan projek kerana beberapa sebab, iaitu kewujudan masjid di setiap kawasan kampung dan mukim, terdapatnya Ahli Takmir Masjid, Muslimah dan Belia Masjid sebagai penggerak, dan ia juga boleh dijadikan sebagai pusat bersilaturahmi dan pembangunan kerohanian diri.


Terdahulu itu, acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat beramai-ramai, diketuai oleh Ketua Guru Ugama, Kompleks Rumah Kebajikan, JAPEM, Awang Haji Mohammad Shahrin bin Sulaiman.

Para peserta juga berkesempatan untuk menonton tayangan 'Video Superwoman', yang memperketengahkan isu-isu semasa mengenai wanita.

Turut hadir, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan dan Kebudayaan), Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari.

Forum juga disertai kira-kira 150 orang, terdiri daripada persatuan-persatuan wanita, Muslimah, Ahli Takmir dan Belia masjid, Persatuan-persatuan Bukan Kerajaan (NGO's), penuntut-penuntut juga pihak persendirian.

Melestarikan keunggulan ilmu, khazanah Islam



BENGKEL penggunaan peralatan tradisional falak yang diadakan selama tiga hari secara dalam talian disertai oleh Ahli-ahli Persatuan Astronomi Negara Brunei Darussalam, para pegawai dari Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanali Bolkihah, para jemputan daripada agensi-agens kerajaan dan institusi pengajian tinggi serta peserta dari negara serantau, iaitu Malaysia dan Indonesia.

Siaran Akhbar dan Foto : Persatuan Astronomi Negara Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 28 November. - Bengkel penggunaan peralatan tradisional falak yang diadakan selama tiga hari secara dalam talian berakhir pada Sabtu, 22 Rabiulakhir 1443 bersamaan 27 November 2021.

Seramai 95 peserta terdiri daripada Ahli-ahli Persatuan Astronomi Negara Brunei Darussalam (PABD), para pegawai dari Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanali Bolkihah (BKISHHB), para jemputan daripada agensi-agens kerajaan

dan institusi pengajian tinggi serta peserta dari negara serantau, iaitu Malaysia dan Indonesia juga mengikuti bengkel tersebut.

Majlis penutupan bengkel tersebut dirasmikan oleh Yang Dipertua PABD, Haji Mahadi bin Haji Mohd. Tahir.

Turut hadir pada acara tersebut, Pemangku Pengarah BKISHHB, Dr. Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad.

Dalam ucapan penutup Yang Dipertua PABD, beliau

menyatakan tentang kepentingan pencerapan objek-objek angkasa sebagai sumber pembelajaran dan pencapaian yang signifikan semasa zaman kegemilangan Islam pada kurun ke-9 dan 10.

"Balai cerapan pada zaman dahulu telah menjadi sebuah tempat untuk ahli saintis dan ahli astronomi seperti Al-Biruni dan Ibn Sina untuk berkumpul dan melakukan perbincangan ilmiah serta melaksanakan cerapan. Balai-balai cerap memiliki peranan yang penting dalam memajukan astronomi Islam melalui kajian sifat fizikal objek Samawi dan mencetuskan inovasi dalam bidang astronomi.

"Sejak penubuhan persatuan ini pada tahun 2003, PABD terus mengambil peranan dalam mempelopori dan mengembangkan pelbagai disiplin ilmu di bidang astronomi dan falak di Negara Brunei Darussalam selama 19 tahun kebelakangan ini," kata beliau.

Beliau juga berkongsi tentang aspirasi persatuan untuk membina sebuah balai cerap bagi kegunaan orang awam dan juga penyelidikan saintifik di negara ini.

"Visi masa panjang persatuan untuk membina sebuah balai cerap atau observatori untuk mengembang luaskan ilmu

astronomi, termasuk juga falak syarie di Brunei Darussalam," jelas beliau lagi.

Beliau juga mengalu-alukan kerjasama dan kolaborasi daripada mana-mana agensi untuk merealisasikan impian untuk membina sebuah balai cerap.

"Pembinaan observatori ini tentunya memerlukan kewangan yang besar, dan sebagai sebuah *non-profit organisation* yang dikendalikan untuk faedah kolektif, awam mahupun sosial, antara sumber kewangan yang difikirkan bersesuaian ialah melalui sumbangan penaja daripada syarikat-syarikat dan agensi-agensi berkenaan," ujarnya lagi.

Selama bengkel ini dijalankan, para peserta berkesempatan untuk mempelajari dan menguasai aplikasi peralatan Falak tradisional Rubu' Mujayyab dalam usaha untuk melestarikan keunggulan ilmu dan khazanah Islam.

Bengkel yang merupakan anjuran bersama PABD dan BKISHHB itu diadakan secara dalam talian dan dibimbing oleh Anuar bin Ariffin yang merupakan seorang penggiat Rubu' Mujayyab dari Pejabat Agama Daerah Butterworth, Pulau Pinang.

Beberapa aplikasi utama Rubu' Mujayyab juga turut dibincangkan semasa bengkel tersebut seperti bagi mendapatkan waktu tempatan menggunakan ketinggian matahari, menyelesaikan hitungan trigonometri, pengukuran saat matahari tegak di atas kepala, mengetahui latitud dan longitud negara, menghitung waktu sembahyang juga menghitung arah Kiblat.

KAEDAH TEKNOLOGI BANTU TINGKATKAN KUALITI, KUANTITI HASIL PERTANIAN

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

SENGKURONG, Sabtu, 27 November. - Program Seminar Pertanian Bersiri anjuran Jabatan Pertanian dan Agrimakanan sempena Sambutan Hari Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan (HPPPN) Ke-11, bagi minggu keempat, membawakan tema 'Transformasi Ke Arah Teknologi dan Teknik Moden Pertanian'.

Tema tersebut mengutarakan bagaimana teknologi akan dapat membantu meningkatkan kualiti dan kuantiti hasil pertanian juga

penerokaan kaedah-kaedah moden yang lebih *cost-effective*.

Empat penceramah undangan dijemput bagi membincangkan beberapa tajuk berkaitan, antaranya 'Penggunaan Tenaga Solar Dalam Sektor Pertanian', yang disampaikan oleh Dayang Nurul Hadinah binti Yahya dari Unit Tenaga Yang Dapat Diperbaharui, Bahagian Tenaga Lestari, Kementerian Tenaga.

Beliau mengongsikan mengenai sasaran negara bagi tenaga yang dapat diperbaharui; Pengenalan

bagi Fotovoltaik Solar; Ekonomi Solar Fotovoltaik (Sektor Kediaman, Sektor Kerajaan dan Sektor Komersial); juga Garis Panduan dan Rujukan PV Solar Kementerian Tenaga.

Sementara itu, pembentang kedua Dayang Nurhafizah binti Haji Abd. Manan dari InnovAero Sdn. Bhd. mengetengahkan mengenai 'Precision Farming', iaitu perkongsian bagaimana teknologi dron dapat membantu meningkatkan kualiti juga kuantiti hasil pertanian melalui penggunaan bagi penyemburan / penaburan baja dan racun, hingga penggunaan kaedah sensor pada

dron bagi pemantauan kesihatan tanaman.


Pembentang ketiga, Andri Setiawan dari I AM FOOD Enterprise dan penceramah keempat, Dr. Vanessa Teo dari Agrome IQ, masing-masing mengetengahkan mengenai Smart Farming, iaitu perkongsian penggunaan IOT dalam sistem penanaman, termasuk pengairan, pembajaan juga pengawalan suhu, di dalam rumah-rumah terlindung.

Seminar Pertanian Bersiri ini akan diadakan pada setiap Sabtu sepanjang November ini, kecuali pada hari terakhir seminar, iaitu pada 30 November 2021 yang akan diadakan, pada Selasa, secara maya melalui aplikasi Zoom, YouTube dan Instagram Live, @agriculture.gov.bn, bermula jam 9.00 pagi.

Dengan adanya seminar

berkenaan, ia dihasrat akan dapat menjadi platform yang berkesan kepada Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan juga para pembuat dasar, ahli akademik, dan organisasi swasta untuk meningkatkan lagi keakraban, kolaborasi juga percambahan fikiran, dalam sama-sama menyumbang ke arah usaha bagi meningkatkan pengeluaran dan mengukuhkan sekuriti makanan, di negara ini.

Seminar juga terbuka kepada orang ramai secara percuma, di mana pihak Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, akan menyediakan pautan Zoom dan YouTube untuk mengikuti seminar berkenaan setiap minggu, melalui Laman Sesawang jabatan, di www.agriculture.gov.bn atau Instagram, @agriculture.gov.bn juga poster-poster yang akan dikongsikan melalui media massa.



YANG Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara antara yang mengikuti Program Seminar Pertanian Bersiri anjuran Jabatan Pertanian dan Agrimakanan sempena Sambutan Hari Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan (HPPPN) Ke-11, bagi minggu keempat, secara maya.

Aewon sumbang 100 pasang skrub



AEWON Garment & Embroidery menyumbangkan sebanyak 100 pasang pakaian skrub kepada Sukarelawan Belia Kebangsaan Cawangan Daerah Tutong, diserahkan oleh Jas Said bagi pihak Aewon Garment & Embroidery kepada Ketua Bahagian Bantuan Home Quarantine Individual, yang berpusat di kompleks tersebut, Awang Md. Ronnie bin Abdullah Labau.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ihsan Zee'Az Enterprise

TUTONG, Sabtu, 27 November. - Aewon Garment & Embroidery, baru-baru ini, menyumbangkan sebanyak 100 pasang pakaian skrub kepada Sukarelawan Belia Kebangsaan Cawangan Daerah Tutong, yang berlangsung di Kompleks Sukan Tutong.

Hadir bagi menyerahkan sumbangan bagi pihak Aewon Garment & Embroidery, Jas Said

dan diterima oleh Ketua Bahagian Bantuan Home Quarantine Individual, yang berpusat di kompleks tersebut, Awang Md. Ronnie bin Abdullah Labau.

Sumbangan tersebut antara lain bertujuan untuk menaikkan semangat para petugas barisan hadapan yang bekerja keras selama ini.

Dalam pada itu juga,

keprihatinan jelas dilihat dengan adanya sumbangan daripada pihak dermawan, dalam sama-sama menjaga dan memedulikan kebajikan para petugas barisan hadapan yang bertungkus lumus *mengalinga* mereka yang terjejas, berikutan pandemik COVID-19.

Sehubungan itu, pihak badan-badan bukan kerajaan atau pihak persendirian yang ingin menyumbangkan infak, bolehlah berhubung terus bersama Zee'Az menerusi talian +673 7153114.

Barang tegahan dirampas



PELBAGAI barang tegahan yang dirampas semasa gerakan operasi berkenaan.

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Kastam dan Eksais Diraja

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 27 November. - Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED), baru-baru ini, meneruskan lagi gerakan operasi pada Selasa, 23 November dan Rabu, 24 November 2021.

Gerakan operasi pertama dijalankan pada 23 November adalah di premis kilang papan dan sebuah rumah di Kampung Panchor Murai, berjaya menahan seorang lelaki juga seorang perempuan, warga asing, berumur 36 dan 46 tahun, yang dipercayai memiliki juga terlibat dengan aktiviti penjualan barang-barang tegahan, iaitu 446 karton, enam paket dan 16 batang rokok pelbagai jenis; wang tunai berjumlah BND3,555, yang dipercayai hasil daripada jualan barang-barang berkenaan.

Gerakan operasi kedua dijalankan pada 24 November, di kawasan hutan Kampung Sungai Bunga, hasil operasi berjaya menjumpai barang-barang tegahan, iaitu 83 karton pelbagai jenis.

Pada hari yang sama juga, hasil gerakan operasi ketiga dijalankan, di kawasan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati, Kampung Lambak Kiri, berjaya menahan dua orang lelaki, warganegara tempatan, berumur 28 dan 38 tahun, yang didapati pemilik barang-barang tegahan, iaitu 174 karton rokok pelbagai jenis; juga sebuah kenderaan dan wang tunai berjumlah BND28,486, yang disyaki hasil daripada jualan barang-barang berkenaan.

Kesemua barangan tegahan terbabit dirampas dan kesemua individu terlibat dibawa ke Pejabat Penguatkuasaan Undang-Undang untuk siasatan lanjut.

JKED ingin menasihatkan kepada orang ramai agar sentiasa mematuhi mana-mana perundangan negara yang berkuat kuasa pada masa ini dan menghindari daripada melakukan kegiatan-kegiatan penyeludupan atau membawa masuk juga keluar barang-barang tegahan dan larangan tanpa sebarang kebenaran daripada agensi-agensinya yang berkepentingan, yang mengawal barang-barang tersebut. Memiliki barang-barang tegahan kastam adalah satu kesalahan, di bawah Seksyen 146, Perintah Eksais 2006.

Bagi sebarang maklumat lanjut berhubung dengan kegiatan penyeludupan barang-barang tegahan kastam, orang ramai bolehlah menghubungi JKED menerusi talian utama JKED, +673 8714422 atau +673 8721422 atau Pejabat Kastam berdekatan.

NBD TUAN RUMAH ADF, 6 DISEMBER



YANG Di-Pertua Majlis Kesejahteraan Orang Kelainan Upaya (MKOKU), Dato Paduka Haji Mohd. Alimin bin Haji Abdul Wahab ketika berucap pada Sidang Media yang berlangsung di Dewan Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Kampung Bengkurong.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Hamzah Mohidin

BENKURONG, Ahad, 28 November. - Negara Brunei Darussalam (NBD) sekali lagi akan menjadi tuan rumah kepada Persidangan Forum Kelainan Upaya ASEAN (ADF) pada tahun ini, berikutan NBD menjadi Pengerusi ASEAN tahun 2021. Kali pertama NBD menghoskan ADF adalah pada tahun 2013.

Persidangan ADF yang disempenakan dengan Hari Antarabangsa Orang Kelainan Upaya (OKU) akan berlangsung pada 6 Disember 2021 secara maya dan dianjurkan oleh Majlis Kesejahteraan Orang Kelainan Upaya (MKOKU) dengan sokongan Jabatan

Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan Sekretariat ADF di Jakarta, Republik Indonesia.

Perkara ini dijelaskan oleh Yang Di-Pertua MKOKU, Dato Paduka Haji Mohd. Alimin bin Haji Abdul Wahab pada Sidang Media yang berlangsung di Dewan Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Kampung Bengkurong, di sini.

Dato Paduka Haji Mohd. Alimin menjelaskan, ADF ditubuhkan semasa Deklarasi Bali pada Disember 2011 dengan tujuan untuk meningkatkan peranan dan penglibatan OKU dalam

masyarakat ASEAN.

Ia merupakan usaha pelbagai pihak berkepentingan, termasuk negara anggota ASEAN, Sekretariat di Jakarta, sektor media, perniagaan, ahli akademik dan persatuan-persatuan OKU dan keluarga mereka.

Menurut beliau lagi, persidangan itu nanti akan dirasmikan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin selaku tetamu kehormat majlis.

Antara pengisian forum ialah penyampaian ucap-tama daripada Timbalan Setiausaha Agung ASEAN bagi Komuniti

■ **ADF ditubuhkan semasa Deklarasi Bali pada Disember 2011 dengan tujuan untuk meningkatkan peranan dan penglibatan OKU dalam masyarakat ASEAN.**

■ **DENGAN tema 'We Care, We Prepare, We Prosper', ADF di NBD akan terus menghubungkan matlamat utama ADF, iaitu bagi mewakili pergerakan OKU di rantau ini, memberi peluang kepada Ahli-ahli Persatuan OKU tempatan dan luar negara.**

Sosio-Budaya dari Sekretariat ASEAN, Tuan Yang Terutama Ekkaphab Phanthavong.

Ini diikuti dengan Sesi Plenari pertama bertajuk 'Enabling Education Towards Employment Amongst PWD in the New Norm' yang akan dimoderator oleh Timbalan Yang Di-Pertua SMARTER Brunei, Dayang Sharifah Adila Surya Malai Haji Abdullah dan ahli panel terdiri daripada Kemboja, Laos, Myanmar, Republik Filipina dan Thailand.

Sesi kedua pula membawa tajuk 'Digital and Assistive Technology: Active Participation' yang dimoderator oleh Dr. Helena binti Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Haji Awang Abu Hurairah dan disertai oleh para panel dari NBD, Indonesia, Malaysia,

Singapura dan Vietnam.

Upacara penutup nanti jelasnya, akan menyaksikan penyampaian kenyataan dan cadangan hasil daripada persidangan dan seterusnya penyampaian ucapan penutup oleh Pengerusi ADF 2021 yang akan menyaksikan penyerahan maya (Virtual Hand-Over) ADF 2022 kepada Kemboja.

Dengan tema 'We Care, We Prepare, We Prosper', ADF di NBD akan terus menghubungkan matlamat utama ADF, iaitu bagi mewakili pergerakan OKU di rantau ini, memberi peluang kepada Ahli-ahli Persatuan OKU tempatan dan luar negara untuk meningkatkan keupayaan advokasi dan organisasi mereka bagi memudahkan sokongan bersama dan pertukaran maklumat.

Lelaki tidak sedarkan diri disahkan meninggal



STESEN Janakuasa Elektrik, Pasar Serbaneka, Kuala Belait di mana seorang individu (mangsa) ditemui terbaring tidak sedarkan diri,

■ **Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei**

KUALA BELAIT, Ahad, 28 November. - Balai Polis Kuala Belait, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) mengesahkan menerima laporan mengenai insiden seorang individu (mangsa) ditemui terbaring tidak sedarkan diri, yang berlaku di kawasan berdekatan Stesen Janakuasa Elektrik, Pasar Serbaneka, Kuala Belait.

Kejadian berkenaan dilaporkan pada hari ini, sekitar jam 7.00 pagi, melalui Talian Kecemasan Polis 993.

Sejurus maklumat diterima, keanggotaan penyiasat balai segera ke tempat kejadian bagi menjalankan siasatan.

Turut hadir, ahli paramedik bertugas yang turut mengesahkan kematian mangsa berkenaan, di tempat kejadian.

Mangsa merupakan seorang lelaki, warganegara asing, berumur 52 tahun dan bekerja sebagai buruh, di salah sebuah syarikat, di Daerah Belait.

Mangsa yang meninggal dunia dihantar ke Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), bagi menjalani bedah siasat untuk mendapatkan punca sebenar kematian.

PPDB memohon kepada orang ramai, terutama saksi-saksi yang mengetahui atau ada menyaksikan insiden berkenaan, disarankan untuk tampil ke Balai-balai Polis berdekatan, bagi memberikan kerjasama kepada pihak polis untuk membantu siasatan.

Tema sambutan pada kali ini ialah 'Leadership and Participation of Persons with Disabilities Toward an Inclusive, Accessible and Sustainable post COVID-19 World'.

Juga hadir pada Sidang Media tersebut, Yang Di-Pertua MKOKU, Dato Paduka Haji Mohd. Alimin bin Haji Abdul Wahab serta Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi MKOKU.

Sambutan Hari Antarabangsa OKU, 3 Disember ini

BENKURONG, Ahad, 28 November. - Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dalam resolusi 47/3 mengisytiharkan 3 Disember sebagai Hari Antarabangsa Orang Kurang Upaya (OKU).

Selaras dengan komitmen antarabangsa itu, Majlis Kesejahteraan Orang Kelainan Upaya (MKOKU) buat pertama kalinya akan menganjurkan Majlis Sambutan Hari Antarabangsa Orang Kelainan Upaya Tahun 2021 pada Jumaat, 3 Disember 2021 ini secara maya, bermula jam 8.30 pagi.

Sambutan antara lain bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman masyarakat tentang pelbagai isu berkaitan dengan OKU, memberikan penghormatan dan hak serta memeduli kesejahteraan mereka, di samping sebagai pengiktirafan

terhadap kemampuan, potensi dan sumbangan OKU serta memupuk semangat perpaduan dan persefahaman dalam kalangan Ahli-ahli MKOKU.

Demikian dinyatakan oleh Setiausaha Agung MKOKU, Dayang Hajjah binti Haji Mokhtal pada Sidang Media, yang berlangsung di Dewan Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam (Pusat Ehsan), Kampung Bengkurong, di sini.

Menurutnya, majlis sambutan tersebut nanti akan dihadiri oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin selaku tetamu kehormat majlis.

Antara pengisian majlis pada kali ini ialah bacaan Surah Yaa Siin, Tahليل dan Doa Arwah, ucapan

aluan oleh Yang Di-Pertua MKOKU, ucapan / amanat Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, termasuk Ceramah Khas bertajuk 'Beberapa Isu Berkaitan Ibadah Bagi OKU' yang disampaikan oleh penceramah undangan dari Pensyarah Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Profesor Madya, Dr. Abdurrahman Raden Aji Haqqi yang juga merupakan OKU Berkerusi Roda.

Dayang Hajjah menjelaskan, kumpulan sasaran adalah ahli-ahli persatuan yang bernaung di bawah MKOKU terdiri daripada Pusat Ehsan, Persatuan Orang Berkerusi Roda dan Orang Cacat Anggota (PAPDA), Persatuan Kanak-kanak Cacat (KACA), Brunei Darussalam National Association for The Blind (BDNAB), Persatuan Orang Kurang Pendengaran (OKP), Society for the Management of Autism Related Issues in Training, Education and Resources (SMARTER), Special Olympic Brunei Darussalam (SOBD), Learning Ladders Society (LLS), Persatuan Sindrom Down (ABLE) serta keluarga ahli-ahli persatuan dan pelbagai agensi kerajaan yang berkaitan.

Majlis sambutan ini dihasratkan akan dapat mempromosikan tindakan untuk meningkatkan kefahaman orang awam tentang pelbagai isu kelainan upaya dan memberikan kesedaran tentang peri pentingnya pemberian peluang yang saksama kepada OKU dalam mewujudkan masyarakat inklusif yang membuktikan keindahan dan kekuatan dalam kepelbagaian.

■ **MAJLIS Sambutan Hari Antarabangsa Orang Kelainan Upaya Tahun 2021 pada Jumaat, 3 Disember 2021 ini secara maya, bermula jam 8.30 pagi.**

■ **BERTUJUAN** untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman masyarakat tentang pelbagai isu berkaitan dengan OKU, memberikan penghormatan dan hak serta memeduli kesejahteraan mereka.

■ **SEBAGAI** pengiktirafan terhadap kemampuan, potensi dan sumbangan OKU serta memupuk semangat perpaduan dan persefahaman dalam kalangan Ahli-ahli MKOKU.

■ **SAMBUTAN** ini dihasratkan akan dapat mempromosikan tindakan untuk meningkatkan kefahaman orang awam tentang pelbagai isu kelainan upaya dan memberikan kesedaran tentang peri pentingnya pemberian peluang yang saksama kepada OKU dalam mewujudkan masyarakat inklusif yang membuktikan keindahan dan kekuatan dalam kepelbagaian.

سرور ديري

لازمکن ديري دغن إستغفار

قرتام: مفرأوليهي كامقون درقد الله سُبحانه وَتعالى أتمس سكل دوسا يغ دلاكوكن سام اد سجاج اتوفون تيدق.

كلوا: مينغن هاتي دري ككليسهن دان كونده كولنا كران دوسا يغ دلاكوكن.

كتيك: مفرأوليهي فرليندوغن الله سُبحانه وَتعالى دري تيقو ديا دان هاسوتن شيطان كران مغيباسي ليدو دغن إستغفار مرفواكن ساليه ساتو فركارا يغ دبنجي شيطان.

جماعه يغ درحمي الله،

دكسمقتن اين، اداله دايغتنكن كغد اورغ رامي سماس فاسا فرألينهن اين اكر ليه ممتوهي (SOP) PROSEDUR OPERASI STANDARD، ترماسوق فمابين سوغكوف موك دان فنجاراكن سوسيال يغ تله دنتفكن.

اين كران كاجين تله مندافتي بهوا ويروس COVID-19 اين تيدق اكن دافقه دهافوسكن دان اكن مريق سكاللي لاكي دغن جفت جك كيت تيدق فاتوه دغن ارهن-ارهن يغ تله دكلواركن اوله فيهق-فيهق يغ برواجب.

اوله ايت، اورغ رامي اداله ايغتنكن اتوق تيدق ليكا دان سكل أوسها كيت اكن منجادي سيا-سيا سكران كيت تيدق ميمكول تغكوغجواب دالم ممتوهي فراتورن-فراتورن يغ تله دنتفكن.

جماعه يغ درحمي الله،

ملازممكن ديري دغن إستغفار ايت ساعة فنتيغ دالم كهيدوقن كران تردافه فضيلة اتوفون كليهن يغ دكرتياكن الله سُبحانه وَتعالى كغد سسياف يغ مباح دان معممكن إستغفار. اوله ايت، تيدق سواجرن إستغفار ايت داييكن أفته لاكي دلوقاكن.

رسول الله صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سنديري منجاديكن إستغفار ايت سباكي عملن هارين، بتاف قول كيت يغ هان سقدر انسان بياس، والوفون رسول الله صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سأورغ يغ معصوم اتوفون بييس دري دوسا، نامون بكندا تنف براستغفار ستيف هاري سباقي سراتوس كالي اكر دقلهارا دري ملاكوكن فركارا ٢١ يغ ميبكن دوسا. اوله يغ دمكين، ماريله كيت سنتياس بردعاء موهون فرليندوغن درقد الله سُبحانه وَتعالى دان مدهمدهن سكل توبه دان إستغفار كيت دترعا الله سُبحانه وَتعالى، آمين يا رَبَّ العالمين

تفسيرن:

"مك أكو بركات (كغد مريك): "موهونله أمقون كغد توهن كامو، سسغوهن دي اداله مها فغامقون." ("جك كامو بربوات دمكين)، نسجاي دي اكن منجورهن هوجن يغ لبت كغد كامو." "دان دي مبابقن هرتا دان أتق-أتق كامو دان دي اكن مغاداكن اتوق كامو كيون-كيون سرت مغاداكن اتوق كامو سوشي-سوشي (يغ مغالير دالدن). {سورة نوح آية ١٠-١٢}

بَارَكَ اللهُ لَنَا فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِالْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلْ مِنَّا تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلِكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَمَا قُوْرَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَأْتِجَاءَ التَّائِبِينَ.

جماعه يغ درحمي الله،

برتقوي له كيت كحضرة الله سُبحانه وَتعالى دغن سبئر-بئر تقوي يايه دغن مينغكنكن كليمانن كغدن. سسغوهن اورغ يغ فالينغ مليا دسيبي الله سُبحانه وَتعالى ايت اياله اورغ يغ فالينغ برتقوي. مدهمداهن كيت منجادي انسان يغ سنتياس مغايغي الله سُبحانه وَتعالى، برأوله كجيان دان كسلامتن ددنيا دان جوك داخيرة.

الله سُبحانه وَتعالى برفرمان دالم سورة النساء آية ١٠٦:

تفسيرن:

دان موهونله أمقون كغد الله. سسغوهن الله اداله مها فغامقون لاكي مها فغاسيه.

جماعه يغ درحمي الله،

آكام كيت تله مغاجركن برفاغ لغكه يغ فرلو دلاكوكن اتوق منجرنيه دان ممبرسيهكن جيو دان هاتي كيت درقد سبارغ دوسا دان معصية سقرت مفربايقن ذكر، توبه دان إستغفار.

حقيقة إستغفار دالم آكام إسلام ايت اداله منوندوقن جيو، هاتي دان فيكران كغد الله سُبحانه وَتعالى سميل موهون أمقون دري سكل دوسا. سسغوهن فرينته توبه دان إستغفار ايت بوكن هان باكي اورغ يغ بربوات معصية دان بربوات دوسا، ماله كيت سمو اداله دتونوت اتوق سنتياس برتوبه دان براستغفار. الله سُبحانه وَتعالى برفرمان دالم سورة المؤمن آية ٥٥:

تفسيرن:

مك برصبرله (واهي نبي محمد)، سسغوهن جنجي الله ايت بئر، دان موهونله كامقون باكي دوسا مو سرت برتسيبيله دغن موجي توهنمو قد وقت فتغ دان فاكلي.

جماعه يغ درحمي الله،

دالم القرآن دان حديث رسول الله صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بايق مغاجر تنغ دعاء-دعاء يغ مغدوغي لفظ إستغفار يغ برتوجوان اتوق مغهارف مغفرة اتوفون فغامقون درقد الله سُبحانه وَتعالى.

ادقون لفظ إستغفار يغ سلالو داوجفكن اوله رسول الله صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، انتاران اياله؛ دالم سيواه حديث يغ درواينكن اوله امام أبو داود، يايه درقد ابن عمر رَضِيَ اللهُ عَنْهُ اي بركات: سغوه كامي تله مغهيتوغ بجان ذكر رسول الله صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ دالم ساتو مجلس سباقي سراتوس كالي. بكندا أوجفكن:

رَبِّ اغْفِرْ لِي وَتُبْ عَلَيَّ إِنَّكَ أَنْتَ التَّوَّابُ الرَّحِيمُ

مقصودن:

واهي توهنكو! أمقونيله أكو دان ترماله توبه كو، سسغوهن أغكوله توهن يغ مها مرمها توبه لاكي مها فغاسيه.

جماعه يغ درحمي الله،

تردافه بايق فضيلة اتوفون كليهن يغ دكرتياكن الله سُبحانه وَتعالى باكي مريك يغ معممكن إستغفار. ادقون انتارا كليهن إستغفار ايت اياله:

ASMDB RAIKAN SAMBUTAN HUT KE-34

RIMBA, Sabtu, 27 November. - Askar Simpanan Melayu Diraja Brunei (ASMDB) meraikan Sambutan Hari Ulang Tahun (HUT) yang Ke-34, di Bilik Mesyuarat Datu Bendahara ASMDB, mengikut garis panduan Fasa Peralihan dan Prosedur

Operasi Standard (SOP) seperti yang ditetapkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut, Pegawai

Pemerintah ASMDB, Leftenan Kolonel Muhd. Suradzin bin Haji Muhd. Yusof.

Turut hadir, Timbalan Pegawai Pemerintah ASMDB selaku Pengerusi Majlis Sambutan, iaitu Mejar (Askar Simpanan) Pengiran Mas Hamin Bahrin bin Pengiran Momin; Pegawai Memerintah Kadet Tentera; Pegawai-pegawai (Askar Simpanan); Sarjan Mejar ASMDB; Pegawai Tadbir Kadet Tentera Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB); juga anggota-anggota tentera dan kakitangan awam ASMDB.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin

■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pertahanan

juga Tahlil dan Doa Kesyukuran Hari Ulang Tahun ASMDB, dipimpin oleh Guru Ugama ASMDB, Awang Mohammad Rusaini bin Awang.

Acara diikuti dengan ucapan daripada tetamu kehormat, di mana beliau mengimbas kembali perjalanan dan pencapaian Askar Simpanan dan Kadet Tentera ABDB sejak Pertubuhan ASMDB.

Beliau turut berharap, ASMDB akan terus berusaha dengan lebih tekun dalam membantu aktiviti pertahanan dan sebagai generasi pelapis kepada anggota tentera ABDB, dalam menjaga

juga memastikan penyediaan perkhidmatan yang berterusan lebih-lebih lagi dalam mengadaptasikan pada keadaan semasa Fasa Peralihan COVID-19 dan masa hadapan.

Majlis kemudian diteruskan dengan Upacara Pemotongan Kek HUT ASMDB Ke-34.

Antara aktiviti sampingan yang dijalankan sempena Sambutan HUT ASMDB adalah Kempen Derma Darah yang dijalankan pada 24 hingga 25 November 2021 dan Kempen Membersihkan Tanah Perkuburan Islam Meritus Kamar, Kampung Manggis, pada 24 November 2021.



PEGAWAI Pemerintah Askar Simpanan Melayu Diraja Brunei (ASMDB), Leftenan Kolonel Muhd. Suradzin bin Haji Muhd. Yusof menandatangani Lembaran Kenangan HUT ASMDB Ke-34 dan sesi bergambar ramai pada majlis tersebut (atas dan kanan), sementara gambar bawah, antara aktiviti sampingan yang dijalankan sempena sambutan berkenaan.



DARI MAHKAMAH

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 27 November. - Seorang lelaki, warga Bangladesh, berusia 43 tahun, mengaku bersalah atas tuduhan mengambil gambar tidak senonoh budak perempuan, berusia 12 tahun, di dalam sebuah tandas awam Pasar Tani Selayun.

Mengikut pertuduhan yang dibaca di Mahkamah Perantaraan, tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu terhadap mangsa, pada November 2020.

Pertuduhan ke atas tertuduh itu dikemukakan, mengikut Seksyen 293B Kanun Hukuman Jenayah, Penggal 22, yang membawa hukuman penjara sehingga 10 tahun, denda atau kedua-duanya.

Hakim Harnita Zelda Skinner memerintahkan tertuduh direman, di Penjara Jerudong dan akan diperdengarkan lagi, pada 9 Disember 2021, jam 9.30 pagi sebagai tarikh jatuh hukuman.

Timbalan Pendakwa Raya,

Nurul Fitri binti Haji Kiprawi mendedahkan di mahkamah, bahawa gambar-gambar mangsa tular di media sosial, baru-baru ini, yang mencetuskan siasatan polis dan membawa kepada penahanan tertuduh.

Pada November 2020, tertuduh menyewa tempat di Pasar Tani Selayun untuk menjual sayur-sayuran. Kira-kira jam 2.00 petang, tertuduh pergi ke tandas awam lelaki, yang terletak di Pasar Tani Selayun tersebut.

Semasa tertuduh berjalan keluar, dia melihat seorang kanak-kanak perempuan berpakaian seragam sekolah berjalan ke arah tandas awam wanita berhampiran (kemudian dikenal pasti sebagai mangsa, Miss X) dan tertuduh mendekatinya juga mengajak untuk bergambar bersamanya.

Di lorong yang memisahkan tandas lelaki dan perempuan, tertuduh kemudiannya mengeluarkan telefon bimbitnya, Oppo A9 juga terus mengambil

Mengaku bersalah ambil gambar tidak senonoh

gambar bersama Miss X. Semasa tertuduh mengambil gambar pertama dan kedua bersama Miss X, dia memegang payudara kanannya, dengan menggunakan tangan kanannya.

Tertuduh kemudian mengambil gambar ketiga dengan tangan kanannya masih memegang payudara kanan Miss X dan kemudian mencium pipi kanan Miss X. Tertuduh tahu, bahawa tindakannya memegang payudara kanan Miss X dan mencium pipi kanan Miss X merupakan satu tindakan yang menjatuhkan maruah Miss X.

Keesokan harinya, tertuduh ke Pasar Tani Selayun semula, kira-kira jam 2.00 petang. Tertuduh pergi ke tandas awam lelaki dan melihat Miss X berdiri di lorong di antara tandas lelaki dan perempuan. Dia kemudian memberitahu Miss X, bahawa dia mahu mengambil gambarnya lagi.

Tertuduh kemudian menyuruh Miss X memasuki gerai di dalam tandas awam wanita itu dan tertuduh mengikutnya. Selepas itu, tertuduh mengarahkan Miss X duduk di tempat duduk tandas dan menyuruh Miss X mengangkat bajunya sehingga mendedahkan payudaranya.

Tertuduh kemudiannya mengambil satu gambar Miss X dalam kedudukan tersebut

■ Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

menggunakan telefon bimbit Oppo A9 miliknya. Selepas mengambil gambar, kedua-dua tertuduh dan Miss X beredar secara berasingan.

Pada hari ketiga, iaitu juga pada November 2020, tertuduh pergi ke Pasar Tani Selayun bersama rakannya, kira-kira jam 2.00 petang. Tertuduh kemudiannya melihat Miss X sekali lagi menuju ke arah tandas awam perempuan itu dan dia mengikutnya dari belakang.

Tertuduh melihat Miss X menuju ke salah sebuah tandas wanita, di gerai tersebut. Sebelum Miss X sempat menutup pintu, tertuduh kemudian menghampirinya juga memberitahu dia mahu mengambil gambar lagi, dan tertuduh, seterusnya mengarahkan Miss X membuka seluar.

Miss X terpaksa dan menarik seluarnya perlahan-lahan. Tertuduh kemudiannya menggunakan tangan kanannya untuk menurunkan seluar Miss X dengan tangan kirinya memegang telefon bimbitnya. Tertuduh kemudiannya mengambil gambar Miss X mendedahkan payudara dan farajnya. Tertuduh kemudiannya mengambil satu lagi gambar dekat faraj Miss X yang terdedah.

Selepas itu, mereka berdua keluar dari tandas secara berasingan.

Tindakan tertuduh hanya terbongkar apabila gambar Miss X disebar di media sosial, khususnya di Facebook, yang disiarkan oleh orang yang tidak dikenali, di antara 14 dan 15 November 2021. Ini membawa kepada siasatan polis, yang kemudiannya mendedahkan identiti Miss X, yang merupakan seorang gadis, berumur 12 tahun, dengan IQ rendah. Miss X selalu berada di Pasar Tani Selayun kerana dijaga oleh ahli keluarganya, yang juga peniaga pasar.

Tertuduh, kemudiannya ditangkap. Semasa penyiasatan, tertuduh mengaku melakukan semua kesalahan itu, mengikut cara yang dinyatakan di atas dan mengambil sejumlah enam gambar tidak senonoh Miss X menggunakan telefon bimbitnya, juga tertuduh melakukan perbuatan tersebut untuk kepuasan seksualnya sendiri. Defendan turut mengakui kepada polis, bahawa dia tahu yang Miss X tidak normal, apabila dia berinteraksi bersamanya untuk mengambil gambar tidak senonohnya.

Dalam rekod, tertuduh tidak mempunyai rekod jenayah lampau.

BUAT TEMPAHAN SLOT PERJANJIAN AWAL



JABATAN Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) memperluaskan pembukaan kaunter perkhidmatan Permohonan Pendaftaran Sijil Kelahiran, Kematian dan Anak Angkat dengan mengutamakan keselamatan juga kesejahteraan pegawai dan kakitangan jabatan juga orang awam, dengan sentiasa mematuhi SOP yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan (kiri dan atas).

November 2021, sebanyak 81 permohonan diterima.

Untuk makluman orang ramai, pada masa ini, perkhidmatan kaunter bagi Permohonan Sijil Kelahiran dan Sijil Kematian adalah dijalankan, mengikut tempat dan kaedah tempahan slot perjanjian seperti berikut.

Di Dewan Muhibbah, Jabatan Daerah Brunei dan Muara, kaunter perkhidmatan dibuka pada Isnin hingga Khamis dan Sabtu, bermula jam 8.15 pagi hingga 4.00 petang. Manakala pada Jumaat dan Ahad, bermula jam 8.15 hingga 11.00 pagi, dan 2.30 hingga 4.00 petang.

Kaedah perkhidmatan melalui tempahan slot perjanjian awal boleh dibuat melalui e-mel di kkaa.sectionhq@immigration.gov.bn; telefon +673 2382627; atau Hotline +673 7299591 (WhatsApp).

Di Bangunan Persiaran, Kuala Belait kaunter perkhidmatan dibuka, pada Jumaat, bermula jam 8.15 hingga 11.00 pagi; dan 2.30 petang hingga 4.00 petang. Manakala Cawangan Kuala Belait, kaunter perkhidmatan dibuka pada Isnin hingga Khamis dan Sabtu, bermula jam 8.15 pagi hingga 3.30 petang.

Kaedah perkhidmatan melalui

tempahan slot perjanjian awal juga boleh dilakukan menerusi e-mel di nationalregistration.kb@immigration.gov.bn atau menerusi telefon +673 3335365.

Bagi Cawangan Tutong, kaunter perkhidmatan dibuka pada Isnin hingga Khamis dan Sabtu, bermula jam 8.15 pagi hingga 11.00 pagi melalui tempahan slot perjanjian awal menerusi telefon +673 4221476 / +673 4221251.

Manakala bagi Cawangan Temburong, kaunter perkhidmatan dibuka, pada Isnin hingga Khamis dan Sabtu, bermula jam 8.15 pagi hingga 11.00 pagi melalui tempahan slot perjanjian awal menerusi telefon +673 5221222.

Orang ramai adalah dialu-alukan untuk membuat tempahan slot perjanjian awal sepertimana yang dinyatakan di atas dan disarankan untuk memastikan dokumen-dokumen yang diperlukan adalah lengkap tersedia sebelum menghadiri diri, pada hari permohonan yang ditetapkan.

Pada kesempatan ini juga, JIPK memohon kerjasama bersama dalam mengutamakan keselamatan dan kesejahteraan pegawai juga kakitangan jabatan dan orang awam dengan sentiasa mematuhi Standard Operating Procedure (SOP) yang ditetapkan sepertimana yang disarankan oleh Kementerian Kesihatan.

Bagi sebarang maklumat terkini, layari laman sesawang www.immigration.gov.bn.


Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 28 November. - Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) memperluaskan pembukaan kaunter perkhidmatan Permohonan Pendaftaran Sijil Kelahiran, Kematian dan Anak Angkat bermula pada Jumaat, 26 November 2021, di Dewan Muhibbah, Jabatan Daerah Brunei dan Muara; dan Bangunan Serbaguna Persiaran, Kuala Belait.

Manakala di Bangunan Serbaguna Persiaran, Kuala Belait, pada Jumaat, 26

Setakat ini, jumlah Permohonan Sijil Kelahiran, Kematian dan Anak Angkat yang diterima sejak perkhidmatan berkenaan dibukakan pada Jumaat, 26 November 2021; dan Ahad, 28 November 2021 adalah seperti berikut.

Dalami lafaz Istiazah, mohon perlindungan daripada Allah Subhanahu Wata'ala



PENSYARAH Fakulti Usuluddin UNISSA, Dr. Haji Ahmad Baha bin Haji Mokhtar semasa menyampaikan ceramah pada Perkongsian Memahami Ta'awudz dan Basmallah anjuran Program Khidmat Akademik UNISSA melalui aplikasi Zoom.

iaitu *Bismillahir Rahmanir Rahim* semasa memulakan bacaan Al-Quran.

Istiazah atau Ta'awudz itu sendiri membawa maksud meminta perlindungan daripada Allah Subhanahu Wata'ala daripada syaitan yang direjam.

Menurut Pensyarah Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Haji Ahmad Baha bin Haji Mokhtar, Istiazah merupakan proses sepanjang hayat.

"Ini kerana iblis dan syaitan telah bersumpah di hadapan Allah Subhanahu Wata'ala, bahawa dia tidak akan berehat atau berhenti daripada menghasut manusia," katanya.

Beliau berkata demikian, semasa menyampaikan ceramah pada Perkongsian Memahami Ta'awudz dan Basmallah anjuran Program Khidmat Akademik UNISSA melalui aplikasi Zoom, di sini.

Beliau menambah, jika kita melihat kandungan Istiazah atau Ta'awudz secara mendalam, ia merupakan proses Takhliyah, yang membawa makna penyucian, pembersihan atau pemurnian.

"Jika kita ibaratkan Al-Quran

Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin

itu sebagai satu (tempat) yang mulia, kita perlu menyucikan diri terlebih dahulu sebelum kita hendak memasuki diri, rohani, jiwa dan fikiran kita ke dalam suasana atau tempat berkenaan," ujar beliau.

Sementara itu, katanya, peranan kalimah Basmallah pula, agar kita meminta kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan bersungguh-sungguh supaya membimbing hati kita untuk memahami Al-Quran dengan betul.

"Selain membimbing, kalimah Basmallah juga sebagai Tahliyah, iaitu menghisai diri kita dengan sifat-sifat terpuji atau sifat Mahmudah.

"Oleh itu, apabila kita telah menyucikan diri dari sifat Mazmumah serta godaan syaitan, nafsu dan dosa; kita cuba untuk 'memakaikan' diri kita dengan sifat Mahmudah.

■ **JIKA** kita lihat kandungan Istiazah atau Ta'awudz secara mendalam, ia merupakan proses Takhliyah, yang membawa makna penyucian, pembersihan atau pemurnian.

■ **PERANAN** kalimah Basmallah pula, agar kita meminta kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan bersungguh-sungguh supaya membimbing hati kita untuk memahami Al-Quran dengan betul.

■ **OBJEKTIF** Istiazah atau Ta'awudz adalah agar kita dapat mengenali diri sendiri dan kehambaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

■ **OBJEKTIF** Basmallah adalah supaya kita dapat mengenali Allah Subhanahu Wata'ala.

"Apabila kita telah membersihkan diri, barulah jiwa kita bersedia bagi menerima Kalamullah, barulah jiwa kita terkesan dengan ayat-ayat Al-Quran dan hidayah-hidayah Allah Subhanahu Wata'ala," katanya.

Beliau menjelaskan, objektif Istiazah atau Ta'awudz adalah agar kita dapat mengenali diri sendiri dan kehambaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Manakala, katanya, objektif Basmallah adalah supaya kita dapat mengenali Allah Subhanahu Wata'ala.

"Dua aspek ini, iaitu mengenali diri kita dan mengenali Allah Subhanahu Wata'ala akan menimbulkan satu kesedaran yang baik (bagi membolehkan) kita membaca Al-Quran dengan penuh perhatian, keimanan dan kehambaan," katanya.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 28 November. - Al-Quran merupakan jalan hidayah atau Sirat-al-Mustaqim dan dalam pada itu juga, perjalanan kita memerlukan perlindungan daripada kesesatan dan godaan syaitan juga hawa nafsu.

Lazimnya, kita akan membaca lafaz Istiazah atau disebut Ta'awudz, yang bermaksud ucapan *A'uzubillahi minas Syaithonir Rajim* sebelum membaca kalimah Basmallah,

MAKNA TA'AWWUZ DAN BASMALAH

التعوذ بالاستعاذة
بالبسملة

- أعوذ بالله ...
- Membaca ...
- Membaca ...
- Apakah yang telah kita telah pelajari daripada kedua-duanya? Serta contohnya



KEMENTERIAN PERTAHANAN

PEMBERITAHUAN TAWARAN

No. Tawaran :
MINDEF/DFA/2021/TA/VEH/001

Tajuk Tawaran :
WHEEL RECOVERY VEHICLE

Jumlah Yuran :
BND500.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi menghubungi Unit Hasil, JKP



mengenai pembayaran yuran tawaran adalah 2 minggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu 27 Disember 2021.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 11 Januari 2022
Tidak lewat jam 2.00 Petang



KEMENTERIAN PERTAHANAN

PEMBERITAHUAN TAWARAN KEMENTERIAN PERTAHANAN

No. Tawaran :
MINDEF/DFA/2021/TA/VEH/003

Tajuk Tawaran :
PEMBELIAN TRANSPORT VEHICLE (BUGGY) 6 SEATERS AND 8 SEATERS

Jumlah Yuran :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi



menghubungi Unit Hasil, JKP mengenai pembayaran yuran tawaran adalah 2 minggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu 28 Disember 2021.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
11 Januari 2022
Tidak lewat jam 2.00 Petang



KEMENTERIAN PERTAHANAN

MAKLUMAN PEMBERITAHUAN TAWARAN KEMENTERIAN PERTAHANAN

Tajuk Tawaran :
MINDEF / DFA / INFRA / FY2021 / T / IL / 009 (JPPK/LTN/13/2020) PROPOSED CONSTRUCTION OF NEW PERIMETER DOUBLE FENCING, SPECIAL FORCES REGIMENT, PENANJONG GARRISON.

Kelas Tawaran :
IV dan ke atas sahaja

Kategori Tawaran :
KA01

Tempoh Penyiapan Kerja :
Lapan Belas (18) Bulan



Bayaran Yuran Tawaran (Tidak Dikembalikan):
BND500.00

Tarikh terakhir bagi menghubungi Unit Hasil, JKP mengenai pembayaran yuran tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu Selasa, 14 Disember 2021.

Tarikh Tutup :
Selasa, 21 Disember 2021,
Tidak lewat jam 2.00 Petang



PEJABAT PENERBANGAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA

Tajuk :
SUPPLY, DELIVERY, INSTALL, CONFIGURE, TESTING AND COMMISSIONING OF IP BASED CCTV SYSTEM SURVEILLANCE NETWORK WITH OPERATION AND MAINTENANCE PROGRAM FOR HIS MAJESTY THE SULTAN'S FLIGHT



Notis Tawaran Bilangan :
HMSF / TDR / 03 / 2020

Tarikh Tutup Tawaran :
Tidak lewat Isnin,
17 Januari 2022
jam 2.00 Petang



KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

PEMBERITAHUAN IKLAN TAWARAN KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Bilangan Tawaran :
(01)JBS / ADM / TDR / 05 / 2021

Nama Tawaran :
TAWARAN IKLAN BAGI RESTORAN KOMPLEKS SUKAN AIR PANTAI SERASA, MUARA.

Bayaran Yuran Tawaran :
BND25.00 (Tidak dikembalikan)

Bilangan Tawaran :
(89) JBS / ADM / QC / 2021

Nama Tawaran :
MEMBEKAL DAN MENGHANTAR PASIR LAUT, PASIR TOP DRESSING DAN TOP SOIL HITAM BAGI KEGUNAAN KOMPLEKS-KOMPLEKS SUKAN, JABATAN BELIA DAN SUKAN (REQUOTATION)



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

NOTIS SEBUT HARGA

1. Bilangan Sebut Harga :
KPN / IT / 002 / 02.7 / 2021 / Q23 INVITATION TO SUPPLY FLOWAVE MINISTRY OF DEVELOPMENT PORTAL LICENSE RENEWAL FOR 1 YEAR (01/03/2022 - 28/02/2023)

2. Bilangan Sebut Harga :
KPN / IT / 002 / 02.7 / 2021 / Q25 TWO (2) YEAR NETWORK PREVENTIVE MAINTENANCE FOR MINISTRY OF DEVELOPMENT HEADQUARTER (MOD HQ) AND AUTHORITY OF BUILDING CONTROL AND



JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DALAM Kelas : II & III

Kategori :
B01, KPB01 & KPB02



KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Bilangan Sebut Harga :
KHEU / JPI / JKS / PPS(E) / 2021-2022

Bilangan Tawaran :
(90) JBS / ADM / QC / 2021

Nama Tawaran :
MEMBEKALKAN KELENGKAPAN BAGI KOMPLEKS-KOMPLEKS SUKAN, JABATAN BELIA DAN SUKAN

- GETAH BELTING PENGARIS PADANG SAIZ 2 INCH
- GETAH BELTING PENGARIS PADANG SAIZ 4 INCH (REQUOTATION)

Bilangan Tawaran :
(93) JBS / ADM / QC / 2021

Nama Tawaran :
SUPPLY AND INSTALL NEW LINE ARRAY SPEAKER (P.A SYSTEM) FOR BERAKAS SPORTS COMPLEX, HBNSC

Bilangan Tawaran :
(94) JBS / ADM / QC / 2021

Nama Tawaran :
REPAIR WORK AIR-CONDITIONING, WIRING, REPAIR AND GENERAL SERVICING AT BUNGLOW NO. 2, JERUDONG SPORT COMPLEX

Bilangan Tawaran :
(94) JBS / ADM / QC / 2021

CONSTRUCTION INDUSTRY (ABCi), MINISTRY OF DEVELOPMENT

3. Bilangan Sebut Harga :
KPN / IT / 002 / 02.7 / 2021 / Q26 INVITATION TO SUPPLY AND DELIVERY OF LASERJET PRINTER FOR MINISTRY OF DEVELOPMENT

4. Bilangan Sebut Harga :
KPN / IT / 002 / 02.7 / 2021 / Q27 INVITATION TO SUPPLY, DELIVERY, REPLACEMENT, INSTALLATION, CONFIGURATION, TESTING AND COMMISSIONING OF UPS FOR MINISTRY OF DEVELOPMENT

5. Bilangan Sebut Harga :
KPN / IT / 002 / 02.7 / 2021 / Q28 INVITATION TO SUPPLY BARRACUDA BACKUP SERVER LICENSE RENEWAL FOR 1 YEAR (14/03/2022 - 16/03/2023),

Bilangan Tawaran :
JKR / DBSBM030 / 2021

Nama Projek :
KERJA-KERJA PEMBAIKAN DI MASJID KAMPUNG LUMAPAS

PROJEK :
2021DBSBM/JUB.16

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada :
Selasa, 7 Disember 2021

Tarikh Tutup :
Selasa, 21 Disember 2021
Tidak lewat dari jam 2.00 Petang

PERKHIDMATAN PEMBUANGAN SAMPAH TEMPOH 2 TAHUN BAGI ZON 'E'

1. SEKOLAH UGAMA ARAB MENENGAH PEREMPUAN RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK HAJAH SALEHA, KATOK
2. SEKOLAH UGAMA BERIBI
3. SEKOLAH ARAB SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH, RIMBA

Tarikh Tutup Tawaran :
Rabu, 10 Jamadilawal 1443H / 15 Disember 2021M, tidak lewat



Nama Tawaran :
SUPPLY AND DELIVERY NEW DIESEL TRACTOR C/W ROTASHER AND CANOPY AT MENGLAIT SPORTS COMPLEX

Bilangan Tawaran :
(96) JBS / ADM / QC / 2021

Nama Tawaran :
TO CONSTRUCT NEW BRICKWALL PARTITION ATTENDANCE ROOM AT TUTONG SPORTS COMPLEX

Bayaran Yuran Tawaran :
BND10.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 14 Disember 2021 / 9 Jamadilawal 1443,
Tidak lewat jam 9.00 Pagi



MINISTRY OF DEVELOPMENT

Bayaran Sebut Harga :
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Buka :
Isnin,
16 November 2021

Tarikh Tutup :
Isnin, 13 Disember 2021
Jam : Sebelum 9.00 Pagi



Yuran Tawaran :
BND50.00 (Tidak dikembalikan)



jam 12.00 Tengah Hari

KEMENTERIAN TENAGA

KEMENTERIAN TENAGA
PEMBERITAHUAN LANJUTAN
TARIKH SEBUT HARGA

Tajuk Sebut Harga :
"PROVISION TO INVEST, BUILD

AND OPERATE 30 MEGAWATT
AC SOLAR PHOTOVOLTAICS
POWER PLANT ("SPVPP") ON
A REMEDIATED LANDFILL
SITE IN BRUNEI
DARUSSALAM"

Bilangan Sebut Harga :
ME / LTK / RE / 21 / 01

Tarikh Tutup :
Selasa, 8 Februari 2022,
Jam 2.00 Petang

**JABATAN KASTAM DAN
EKSAIS DIRAJA
KEMENTERIAN KEWANGAN
DAN EKONOMI**

TAWARAN KASTAM
BIL. 29 / 2021

TAWARAN PEMBEKALAN
CATUAN BARANGAN
MAKANAN BAGI POS-POS
KAWALAN, JABATAN KASTAM
DAN EKSAIS DIRAJA,
NEGARA BRUNEI



DARUSSALAM

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 7 Disember 2021
Jam 2.00 Petang

**JABATAN AUDIT
JABATAN PERDANA MENTERI**

JABATAN AUDIT
JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan Sebut Harga :
AUD / PTMK / Q&T /
2021-2022 / 07

PERKHIDMATAN MEMBEKAL
DAN MENGHANTAR SURAT-
SURAT KHABAR DI TINGKAT 6
JABATAN AUDIT, BANGUNAN
BAHIRAH BAGI
TEMPOH 3 TAHUN

1. Borneo Bulletin and Weekend



(Monday To Thursday &
Weekend) - 1
2. Sunday Bulletin - 1

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 14 Disember 2021
Jam 12.00 Tengah Hari

**JABATAN RADIO
TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**

NOTIS PEMBERITAHUAN
SEBUT HARGA

Bilangan Sebut Harga :
RTB / K / 123 /
21 - 22

Tajuk Sebut Harga :
SUPPLY AND DELIVERY OF
LAPTOPS FOR DIVISION OF
ENGINEERING

Bilangan Sebut Harga :
RTB / K / 124 / 21 - 22

Tajuk Sebut Harga :
SUPPLY, INSTALLATION AND
CONFIGURATION OF ADOBE
PHOTOSHOP, ILLUSTRATOR
AND ALL APPS CREATIVE
CLOUDS SOFTWARE FOR TWO
(2) YEARS

Bilangan Sebut Harga :
RTB / K / 128 / 21 - 22

Tajuk Sebut Harga :
SUPPLY AND DELIVERY OF
LIGHTING CONTROL CONSOLE
FOR OUTSIDE BROADCAST

Bilangan Sebut Harga :
RTB / K / 129 / 21 - 22

Tajuk Sebut Harga :
SUPPLY AND DELIVERY
OF A3 AND A4 LASER
PRINTERS FOR THE
REPLACEMENT OF FAULTY

**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR DALAM
Kelas :
II & III

Kategori :
B01, KPB01

Bilangan Tawaran :

JKR / DBSBM031 / 2021

Nama Projek :
KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH
BANGUNAN DI MASJID
RASHIDAH SA'ADATUL
BOLKIAH, KAMPUNG SUNGAI
AKAR, NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM

PROJEK :
2021DBSBM/JUB.17

Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada :
Selasa, 21 Disember 2021

Tarikh Tutup :
Selasa, 4 Januari 2021

**KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR DALAM
Kelas : II
Kategori : S02 SAHAJA

Bil. Tawaran :
KHEDN / LTK / 2021-2

Tajuk Projek :
TERM CONTRACT (36
MONTHS) FOR CLEANING
WORKS TO MINISTRY OF
HOME AFFAIRS BUILDING,
JALAN JAMES PEARCE,
BANDAR SERI BEGAWAN,
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM

Bilangan Projek :
KHEDN / BPE / B00405-02

Tarikh akhir mengambil
Dokumen Tawaran :
Rabu, 1 Disember 2021.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 7 Disember 2021.

Yuran Tawaran :
BND50.00 (Tidak dikembalikan)



AND OBSOLETE SETS

Bayaran Sebut Harga :
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup :
Rabu, 8 Disember 2021,
Jam 2.00 Petang



Tidak lewat dari jam 2.00 Petang

Yuran Tawaran :
BND30.00 (Tidak dikembalikan)

**KEMENTERIAN
PERTAHANAN**

PEMBERITAHUAN TAWARAN

No Tawaran :
MIN-
DEF/DFA/FY2021/MAB/TA/04

Tajuk Tawaran :
SUPPLY OF PORTABLE LIVE
STREAMING EQUIPMENT

Jumlah Yuran :
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi
menghubungi Unit Hasil, JKP



mengenai pembayaran yuran
tawaran adalah seminggu
sebelum tarikh tutup tawaran,
iaitu Selasa,
21 Disember 2021.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
28 Disember 2021,
Tidak lewat jam 2.00 Petang

**JABATAN AUDIT
JABATAN PERDANA MENTERI**

JABATAN AUDIT
JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan Tawaran :
AUD / PKB / Q&T /
2021-2022 / 04

TAWARAN BAGI
'24 MONTHS TERM CONTRACT
FOR GRASS CUTTING AND
LANDSCAPE MAINTENANCE
AT THE COMPOUND OF
BANGUNAN BAHIRAH AND
THE ADJACENT VACANT



LAND, JALAN DEWAN MAJLIS,
BANDAR SERI BEGAWAN,
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM'

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
14 Disember 2021
Jam 12.00 Tengah Hari

PERATURAN PENGIKLANAN (SEKTOR AWAM / KERAJAAN)

DI PELITA BRUNEI

IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*)
hendaklah dihantar dan diterima oleh
Meja Iklan TIDAK kurang dari dua (2)
minggu sebelum tarikh iklan
dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah
dibaca juga menggunakan Microsoft
Word dengan Font ARIAL saiz 12.

Sila sertakan dokumen-dokumen yang
berkaitan dan nyatakan
apa-apa keperluan iklan berkenaan,
seperti tarikh dijangka terbit,
kekerapan terbitan untuk diiklankan
dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah
dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pbeinformation.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :
+673 8622969

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA
DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI
MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.

PERSIAPKAN FIZIKAL, MENTAL SEBELUM MEMASUKI ALAM PEKERJAAN



WAWANCARA Secara Virtual semasa Rampai Pagi mengongsikan tajuk 'Siap Siaga Untuk Alam Pekerjaan'.

Berita dan Foto : Saerah Haji Abdul Ghani

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 28 November. - Alam pekerjaan merupakan fasa yang sangat mencabar dan bagi para belia yang telah melanjutkan pelajaran, proses mencari pekerjaan merupakan salah satu fasa kehidupan yang perlu dilalui. Justeru, amat penting bagi para

belia untuk mempersiapkan diri mereka sebelum melangkah memasuki alam pekerjaan dan perlu ada motivasi diri untuk mendapatkan pekerjaan yang diinginkan.

Wawancara Secara Virtual semasa Rampai Pagi mengongsikan tajuk 'Siap Siaga

Untuk Alam Pekerjaan'.

Dua pelajar HND Jurusan IT dari Kolej Cosmopolitan, Dayang Nur Iffah Nazihah binti Arifin dan Dayang Azie Fazira binti Haji Ajis mengongsikan pengalaman serta pengetahuan mereka ketika menjalani Program Bekerja Sambil Belajar di salah sebuah sektor swasta di Bahagian Pemasaran dan Promosi.

Bagi Dayang Nur Iffah Nazihah, bidang pekerjaan dengan akademi mempunyai perbezaan, namun banyak kemahiran yang dipelajari dari kolej sangat berguna untuk kita memulakan pekerjaan, seperti kemahiran berkomunikasi, skil Microsoft, contohnya mengisi data, membuat Minit dan sebagainya.

Pengalaman yang diperoleh dalam Program Bekerja Sambil Belajar, tambahnya, kebanyakan adalah tatacara berinteraksi dengan pelanggan, menghadiri jerayawara dan bengkel, menguruskan dokumen serta mengisi kertas kerja secara profesional.

Menurut Dayang Azie Fazira pula, pelbagai cabaran yang dihadapi semasa menjalani program tersebut dan perlu dipelajari lagi kerana beliau merupakan seorang yang tidak suka berhadapan dengan orang. Justeru, baginya, ia merupakan salah satu cabaran yang perlu diperbaiki kerana beliau tahu interaksi dengan pelanggan itu sangat penting dalam alam pekerjaan.

Jelasnya, apa yang dapat disampaikan, para belia hendaklah bersedia dari segi fizikal dan mental sebelum memasuki alam pekerjaan untuk membolehkan

mereka menghadapi lagi tekanan kerja.

"Walaupun mengambil jurusan IT, saya ingin mencuba suasana baharu memandangkan teknologi diperlukan dalam semua organisasi dan bahagian pemasaran juga memerlukan teknologi untuk mempromosi seperti menggunakan sosial media, membuat poster serta menangani aplikasi," ujarnya.

Dayang Nur Iffah Nazihah seterusnya menyarankan kepada para belia menyiapkan diri untuk menerima kritikan daripada orang di alam pekerjaan, walaupun sebelum ini awda penuntut cemerlang atau tidak pernah menerima kritikan, namun alam pekerjaan adalah satu alam yang amat berbeza kerana belum tentu kerja yang dilakukan betul.

Manakala Dayang Azie Fazira juga menasihati kepada semua agar mendidik diri untuk menepati waktu bekerja kerana ramai yang masih leka dan gagal untuk datang mengikut masa yang ditetapkan dan mungkin mereka belum dapat membezakan waktu alam persekolahan dengan alam pekerjaan.

Oleh itu katanya, mereka harus menepati waktu bagi melahirkan tenaga kerja yang berguna.

Pengemaskinian perkhidmatan perjumpaan janji temu Jabatan Buruh melalui tempahan, bermula 1 Disember

Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Buruh

BIL.	BAHAGIAN	NOMBOR PERHUBUNGAN
1.	Bahagian Kewangan	2383 006 ext 2301/2302/2300
2.	Bahagian Lesen Pekerja Asing	2383 006 ext 3211/3200 / 8363 244
3.	Bahagian Lesen Perkhidmatan Domestik	2383 006 ext 3103 / 3104
4.	Bahagian Agensi Pekerjaan	2383 006 ext 1074/2102
5.	Bahagian Pampasan	2383 006 ext 2203/2205
6.	Bahagian Kajian dan Perangkaan (Banci)	2383 006 ext 4503/4504
7.	Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang	2381 848 / 729 8989
8.	Jabatan Buruh Cawangan Daerah Belait	333 1549
9.	Jabatan Buruh Cawangan Daerah Tutong	422 1408
10.	Jabatan Buruh Cawangan Daerah Temburong	522 1256

RAJAH 1

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 28 November. - Merujuk kepada Siaran Akhbar Jabatan Buruh, pada 13 Ogos 2021 mengenai pemakluman penghantaran permohonan melalui Peti-peti Permohonan (Dropbox), Jabatan Buruh ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai pengemaskinian perkhidmatan, di mana perkhidmatan perjumpaan secara janji temu melalui tempahan akan dibukakan, bermula Rabu, 1 Disember 2021.

Perkhidmatan perjumpaan secara janji temu melalui tempahan akan dibukakan bagi majikan atau agensi pekerjaan yang dihubungi melalui e-mel oleh pihak jabatan, bagi penyerahan Resit Penyata Banci Majikan / Pekerja 2021; Kaunter Aduan

di Bahagian Penguatkuasaan; Kaunter Kewangan; Kaunter Pampasan Pekerja; Kaunter Agensi Pekerjaan; Pejabat-pejabat Cawangan, di daerah-daerah; perjumpaan bersama pegawai, di Bahagian Lesen Pekerja Asing; dan perjumpaan bersama pegawai, di Bahagian Lesen Pekerja Domestik.

Menurut Siaran Akhbar Jabatan Buruh, perkhidmatan menghadapkan permohonan-permohonan melalui Peti Permohonan (Dropbox) masih dikekalkan.

Bagi membuat janji temu, orang ramai adalah dinasihatkan untuk menghubungi melalui e-mel ke info.buruh@buruh.gov.bn atau menghubungi bahagian-bahagian berkenaan, menerusi nombor-nombor Talian Telefon

seperti yang tertera, di dalam Rajah 1.

Dalam memastikan keselamatan dan kesihatan orang ramai yang berurusan juga para pegawai dan kakitangan jabatan ini adalah dalam keadaan yang baik, orang ramai yang ingin berurusan di Jabatan Buruh adalah dikehendaki mengikuti Prosedur Operasi Standard (Standard Operation Procedure - SOP) yang ditetapkan.

Sehubungan itu, hanya individu yang bervaksin sepenuhnya dibenarkan memasuki bangunan, orang ramai hendaklah mengimbas Kod BruHealth yang disediakan di pintu masuk bangunan Jabatan Buruh sebelum memasuki bangunan juga hanya individu yang berkod BruHealth Hijau dan Kuning dibenarkan berurusan, di jabatan ini.

Sementara itu, orang ramai hendaklah memeriksa suhu badan, memakai sungkup muka dan sentiasa mengamalkan penjarakan fizikal juga menjaga kesihatan.

Berdasarkan pada garis panduan bagi perkhidmatan awam / kaunter pejabat kerajaan semasa Fasa Peralihan, juga dimaklumkan, bahawa Jabatan Buruh akan menghadkan bilangan orang ramai yang berkunjung di premis, pada satu masa yang sama, iaitu 50 peratus kapasiti bangunan dan cawangan-cawangan.

Miliki senjata api buatan sendiri : Lelaki ditahan



SEMASA pemeriksaan Pasukan Polis Diraja Brunei menemukan satu peralatan yang mencurigakan dipercayai menyerupai senjata api.

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

LIMAU MANIS, Ahad, 28 November. - Seorang lelaki, warganegara tempatan, berumur 32 tahun, ditahan oleh Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) setelah dipercayai memiliki senjata api buatan sendiri.

Insiden berkenaan terbongkar apabila keanggotaan detektif Balai Polis Limau Manis dan Balai Polis Sengkurong, PPDB sedang menjalankan pemeriksaan ke atas kediaman suspek, di Kampung Wasan, Limau Manis kerana dipercayai mempunyai keterlibatan dengan kegiatan curi, yang dilaporkan di Balai Polis Sengkurong.

Semasa pemeriksaan tersebut, PPDB menemukan satu peralatan yang mencurigakan dipercayai menyerupai senjata api.

Berikutan dengan penemuan itu, suspek turut berdepan dengan kesalahan, di bawah Seksyen 17(1) Akta Senjata Api dan Bahan Letupan Penggal 58, di mana jika sabit kesalahan, suspek boleh dihukum penjara dalam suatu tempoh tidak kurang dari lima tahun dan tidak melebihi 15 tahun juga tidak kurang daripada tiga sebatan dan tidak lebih daripada 12 sebatan.

Di kesempatan ini, PPDB menyeru dan menegaskan kepada orang ramai agar tidak mempunyai hasrat untuk memiliki, menyimpan atau membuat sebarang senjata api juga butiran peluru atau menyerupai seperti itu kerana ia merupakan suatu kesalahan yang berat, di bawah undang-undang di Negara Brunei Darussalam.

ASAS TEORI, PRAKTIKAL RUBU' MUJAYYAB DIKONGSIKAN

Siaran Akhbar dan Foto :
Persatuan Astronomi Negara Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 27 November. - Ke arah memberi peluang kepada orang ramai untuk mempelajari aplikasi instrumen falak tradisional, khususnya Rubu' Mujayyab, dalam usaha melestari keunggulan ilmu dan khazanah Islam, Persatuan Astronomi Negara Brunei Darussalam (PABD) bersama Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Jabatan Perdana Menteri, menganjurkan Bengkel Penggunaan Peralatan Falak Tradisional Rubu' Mujayyab, yang berlangsung selama tiga malam berturut-turut, mulai Khamis, 25 November hingga Sabtu, 27 November 2021 secara dalam talian melalui Zoom.

la selaras dengan objektif utama PABD, iaitu untuk memajukan dan memantapkan Bidang Astronomi, terutamanya Astronomi Islam (Falak Syarie) di Negara Brunei Darussalam.

Bengkel ini bertujuan untuk memberikan pendedahan asas secara teori dan latihan praktikal menggunakan instrumen Rubu' Mujayyab juga memantapkan kefahaman peserta, kerja-kerja

praktikal sendiri dan dilakukan pada siang hari.

Pemudah cara bengkel yang diundang, seorang penganjur instrumen Rubu' Mujayyab, Anuar bin Ariffin. Beliau berasal dari Pulau Pinang, pernah bertugas di Bahagian Falak, Jabatan Mufti Pulau Pinang selama 10 tahun. Sekarang beliau ditugaskan di Pejabat Agama Daerah Butterworth, Pulau Pinang. Selain itu juga, beliau sangat aktif mengajar kursus-kursus falak atas jemputan kolej-kolej, sekolah-sekolah dan masjid-masjid, di seluruh Malaysia.

Tujuh topik utama yang memfokuskan pada aplikasi Rubu' Mujayyab disampaikan semasa bengkel, iaitu Pengenalan alatan Falak tradisional; Kaedah mendapatkan waktu (jam) dengan menggunakan Rubu' Mujayyab; Penyelesaian hitungan trigonometri; Mengukur saat matahari tegak di atas kepala; Mengetahui latitud dan longitud negeri; Menghitung waktu Solat; dan Menghitung arah Kiblat.

Para peserta juga dipohonkan untuk Menghasilkan Sendiri (DIY)



PERSATUAN Astronomi Negara Brunei Darussalam bersama Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Jabatan Perdana Menteri, menganjurkan Bengkel Penggunaan Peralatan Falak Tradisional Rubu' Mujayyab, yang berlangsung selama tiga malam berturut-turut, mulai Khamis, 25 November hingga Sabtu, 27 November 2021 secara dalam talian melalui Zoom.

Rubu' Mujayyab dengan mencetak templat Rubu' Mujayyab dan mengikut arahan dalam video, yang disediakan oleh pihak penganjur sebelum bengkel.

Turut hadir dan merasmikan bengkel tersebut secara dalam talian, baru-baru ini, Pemangku Pengarah Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB), Dr. Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad.

Dalam ucapan perasmian, Dr. Haji Mohammed Hussain menyatakan, bahawa salah satu galeri yang terdapat di BKISHHB, Galeri 8 merupakan Galeri Astronomi, yang menempatkan pelbagai peralatan astronomi tradisional, termasuk Astrolabe, Rubu' Mujayyab, Rubu' Mujannah dan lain-lain lagi.

Justeru penganjur bengkel ini merupakan salah satu usaha dan landasan yang betul demi menyokong juga merealisasikan matlamat strategik BKISHHB untuk menjadi pusat warisan ilmu Islam, yang mampu menghidupkan

budaya ilmu melalui aktiviti-aktiviti keilmuan.

la juga akan membukakan peluang kepada BKISHHB untuk menjalankan kajian dan penyelidikan bersama rakan strategik, yang mempunyai ilmu juga kemahiran, dalam bidang tertentu.

Selain itu juga, beliau menyatakan keadaan pandemik COVID-19 bukanlah menjadi penghalang bagi kita untuk terus menjalankan aktiviti ilmiah. Penyertaan daripada orang ramai juga sangat menggalakkan, di mana dalam tempoh yang singkat, bilangan penyertaan mencapai angka maksimum dan pendaftaran terpaksa ditutup awal disebabkan oleh had bilangan peserta.

Seramai 95 peserta mendaftar untuk mengikuti Bengkel Rubu' Mujayyab, termasuk tujuh peserta dari negara serantau, iaitu Malaysia dan Indonesia, yang mewakili beberapa maktab pendidikan, institusi pengajian tinggi dan persatuan astronomi.

Antara yang hadir untuk Bengkel

Rubu' Mujayyab, Yang Dipertua PABD, Awang Haji Mahadi bin Haji Mohd. Tahir; Ahli-ahli Eksekutif PABD; Pegawai-pegawai dari BKISHHB; juga para jemputan dari agensi-agensi kerajaan dan institusi pengajian tinggi, yang juga merupakan peserta bengkel.

Penggunaan Rubu' dipercayai bermula sebelum kurun ke-8 masihi. Al-Khawarizmi (770-840) merupakan antara orang yang memanfaatkan alat ini dalam hitungan waktu solat. Dari sudut bahasa, Rubu' bermaksud seperempat, dan *jayb* bermaksud kecek baju, poket atau saku. Al-Biruni mentakrifkan *jayb* sebagai *sine*.

Dalam bahasa Inggeris, Rubu' Mujayyab disebut sebagai *quadrant*, manakala dalam bahasa Melayu, disebut sebagai kuadran. Dari sudut istilah pula, Rubu' Mujayyab ditakrifkan sebagai sejenis alat tradisional falak (astronomi), yang dicipta khusus untuk pengukuran sudut, waktu solat, arah kiblat dan awal bulan Islam.

KURANGKAN MENONTON ATAU MENDENGAR MAKLUMAT YANG NEGATIF
Kurangkan kegelisahan dan kerisauan dengan mengurangkan masa awda dan keluarga awda menonton atau mendengar terhadap kandungan media yang negatif

FOKUS PADA STRATEGI YANG PERNAH AWDA GUNAKAN SEBELUM INI
Tumpukan perhatian pada teknik-teknik mengatasi kesukaran yang pernah awda gunakan di masa lalu, dan gunakan kebolehan tersebut untuk menolong awda menangani emosi awda semasa wabak ini

Sertu Bangunan Ibu Pejabat Baharu Persatuan WARGAMAS dilaksanakan

Oleh : Hernie Suliana Haji Othman
Foto : Ihsan Pertubuhan WARGAMAS

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 27 November. - Sebagai persediaan dan pembersihan sebelum berpindah, Pertubuhan WARGAMAS, baru-baru ini, mengadakan Majlis Menyertu untuk membersihkan dan menyucikan bangunan ibu pejabat baharu mereka, di Jalan Utama Berakas, bagi memastikan bangunan tersebut suci daripada najis-najis berat, mengikut kaedah juga peralatan tertentu.

Majlis dihadiri oleh Yang Dipertua Pertubuhan WARGAMAS, Haji Abu Bakar bin Haji Mohd. Don, Ahli-ahli Jawatankuasa Tadbir Tertinggi dan Jawatankuasa Kerja, Kapten (B) Zailan bin Pehin Datu Kerma Setia Mejar (B) Dato Seri Laila Jasa Mohd. Don, dari International Halal

Trading Hub & Services (IHTHS), juga Dr. Haji Nirwan bin Haji Nasir dan Pengiran Subandi bin Pengiran Haji Kamis, dari HallBru Trading Company.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat, diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Yang Dipertua Pertubuhan WARGAMAS, antara lain berkata, amalan sertu ialah satu perkara ibadah dengan hikmah untuk menunjukkan Islam ialah agama yang mementingkan kebersihan, dalam kehidupan seharian.

Selain itu, beliau juga mengongsikan tentang Majlis Ruqyah, khusus untuk bangunan tersebut, yang dijalankan pada 20 November, menggunakan

doa dan ayat-ayat Al-Quran yang mengandungi permintaan pertolongan juga perlindungan untuk mencegah daripada perkara yang tidak diinginkan.

Seterusnya, penerangan mengenai proses menyertu disampaikan oleh Pengasas WGM Enterprise, Awang Haji Ismail bin Haji Arshad sebelum tugas-tugas pembersihan dibahagikan kepada Ahli-ahli Pertubuhan WARGAMAS yang hadir.

Dengan usaha rukyah dan sertu yang dijalankan, Pertubuhan WARGAMAS berharap agar sentiasa berada dalam lindungan Allah Subhanahu Wata'ala, dijauhkan daripada perkara yang tidak diinginkan, dalam keadaan sihat mental juga fizikal, dan aman juga tenteram menjalankan tugas, di bangunan tersebut nanti.



PERTUBUHAN WARGAMAS, mengadakan Majlis Menyertu untuk membersihkan dan menyucikan bangunan ibu pejabat baharu mereka, di Jalan Utama Berakas.

FAHAMI PEMIKIRAN KRITIKAL, PERANCANGAN STRATEGIK

Oleh : Nooratini Haji Abas

Infografik : Instagram @persatuan_kesan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 27 November. - Persatuan KESAN akan menganjurkan satu Webinar, bertajuk Pemikiran Kritikal dan Perancangan Strategik (Critical Thinking and Strategic

Planning), pada 3 dan 5 Disember 2021, mulai jam 9.00 pagi hingga 11.30 pagi menerusi aplikasi Zoom.

Webinar tersebut disasarkan kepada belia-belia yang berumur

di antara 18 hingga 35 tahun, para graduan dan pelajar dari institusi pengajian tinggi juga sekolah-sekolah, vokasional, termasuk dari Universiti Brunei Darussalam, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Universiti Teknologi Brunei, Politeknik Brunei dan lainnya, juga para belia yang

sedang aktif dalam mencari pekerjaan.

Webinar tersebut akan disampaikan oleh Penceramah Undangan, Dayang Nurul Hadina binti Haji Alias dari Tindakan bagi SDGs Brunei (Pemikiran Kritikal); dan Nisa Masir dari Annisa and HR Manager, Darussalam Asset (Strategic Planning).

Yuran penyertaan, ditetapkan sebanyak BND10, manakala bagi berkumpulan (maksimum tiga orang satu kumpulan) sebanyak BND20 dan BND8 bagi peserta yang pernah mengikuti Webinar dari persatuan ini.

Adapun tujuan diadakan adalah untuk memberi kefahaman juga menggalakkan pemikiran kritikal dan perancangan strategik.

Di samping itu, ia juga untuk mempelajari dan mempraktikkan teknik pemikiran kritikal juga perancangan strategik dan membina juga membangunkan perancangan strategik.

Sehubungan itu, orang ramai adalah dialu-alukan untuk menyertainya dan sebarang maklumat lanjut atau pendaftaran, bolehlah menghubungi menerusi talian +673 7314313.



Suspek curi kenderaan ditahan

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

BRUNEI MUARA, Ahad, 28 November. - Dua buah kenderaan mewah beserta sebuah kereta pacuan empat roda berjaya ditemui kembali setelah dilaporkan hilang yang dipercayai dicuri pada 27 November 2021, sekitar jam 6.54 pagi.

Kejadian yang berlaku di kedai pengedar kenderaan Ford Premier Automobile, Perindustrian Berak, Jalan Gadong itu mengaktifkan anggota penyiasat dan keanggotaan polis detektif dari Balai Polis Bandar Seri Begawan dan Balai Polis Berakas, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) bagi kolaborasi menjejaki si penjenayah sehingga berhasil membuat penahanan ke atas

empat orang suspek yang dipercayai dalang kepada insiden pecah masuk dan kegiatan curi berkenaan.

Kesemua suspek adalah lelaki, melibatkan tiga orang warganegara tempatan dan seorang warganegara asing. Dua daripadanya berumur 18 tahun, 38 tahun dan seorang lagi melibatkan suspek di bawah umur.

Hasil siasatan awal juga mendapati beberapa barangan kedai turut dirosakkan dan dicuri, seperti wang di dalam peti keselamatan, kerosakan kamera rakaman litar tertutup (CCTV) serta beberapa pintu-pintu di kedai tersebut.

Kesemua barang bukti dibawa ke

Balai Polis Bandar Seri Begawan bagi siasatan lanjut. Kes disiasat di bawah Seksyen 379 (curi), Seksyen 380 (curi di dalam bangunan) dan 427 (kesalahan rosak barang) Kanun Hukuman Jenayah Penggal 22 yang boleh membawa kepada hukuman pemenjaraan juga sebat.

PPDB menegaskan kepada orang ramai agar bertindak lebih bijak dalam mencari hasil mata pencarian agar tidak terjerumus ke perlakuan jenayah demi kepentingan diri sendiri.

Institusi kekeluargaan amatlah penting dalam berperanan membentuk sahsiah para remaja agar tidak mudah terpengaruh dengan faktor persekitaran mahupun pergaulan sosial.



DUA buah kenderaan mewah dan sebuah kereta pacuan empat roda berjaya ditemui kembali setelah dilaporkan hilang yang dipercayai dicuri pada 27 November 2021, sekitar jam 6.54 pagi (atas dan kanan).



Pertukaran waktu operasi Tabung Darah Hospital Pengiran Isteri Hajjah Mariam

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 27 November. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai pertukaran waktu operasi bagi Perkhidmatan Pendermaan Darah di Tabung Darah Hospital Pengiran Isteri Hajjah Mariam, Daerah Temburong, bermula Isnin, 29 November 2021.

Waktu operasi bagi Tabung Darah Hospital Pengiran Isteri Hajjah Mariam, Daerah Temburong adalah Isnin hingga Khamis dan Sabtu, bermula jam 10.00 pagi hingga 11.30 pagi; dan 2.00 petang hingga 3.30 petang.

Di kesempatan ini, Kementerian Kesihatan menyeru orang ramai untuk menderma darah di Pusat Pendermaan Darah atau di Pusat Promosi Kesihatan atau di tabung-tabung darah berdekatan, bagi sama-sama membantu meningkatkan bekalan stok darah di negara ini juga membantu pesakit-pesakit yang memerlukan pemindahan darah.

Waktu operasi bagi Pusat Pendermaan Darah Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha adalah Isnin hingga Khamis dan Sabtu, bermula jam 8.00 pagi hingga 1.30 petang.

Sementara itu, waktu operasi bagi Pusat Promosi Kesihatan, Jalan Menteri Besar, Berakas adalah Isnin hingga Khamis dan Sabtu, bermula jam 8.00 pagi hingga 11.00 pagi; dan 12.30 petang hingga 1.30 petang.

Manakala waktu beroperasi bagi Tabung Darah Hospital Suri Seri Begawan, Belait adalah Isnin hingga Khamis dan Sabtu, bermula jam 8.00 pagi hingga 2.30 petang.

Kementerian Kesihatan juga ingin memaklumkan kepada penganjur-penganjur Kempen Derma Darah, bahawa Pusat Pendermaan Darah mula membukakan tempahan bagi mengadakan Kempen Derma Darah bagi Sesi Januari 2022.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Pusat Pendermaan Darah menerusi talian +673 2242424 sambungan 6001 atau 6002 atau WhatsApp +673 7375745 atau e-mel ke bloodbank@moh.gov.bn dan ikuti Pusat Pendermaan Darah di Instagram dan Facebook, @bloodbank.ripas.

Waktu operasi Kaunter Perkhidmatan Jabatan Kemajuan Pelancongan

Siaran Akhbar : Jabatan Kemajuan Pelancongan

BERAKAS, Sabtu, 27 November. - Jabatan Kemajuan Pelancongan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan ingin memaklumkan mengenai waktu-waktu beroperasi bagi Kaunter-kaunter Perkhidmatan, di Jabatan Kemajuan Pelancongan, bermula Isnin, 22 November 2021.

Kaunter Perlesenan dan Pendaftaran beroperasi pada Isnin hingga Khamis juga Sabtu, bermula jam 8.00 pagi hingga 1.00 petang.

Sebarang pertanyaan lanjut bolehlah menghubungi menerusi talian +673 2380890 sambungan 2309 atau +673 2382805 sambungan 2325.

Manakala Kaunter Pembayaran pula beroperasi pada setiap Isnin hingga Khamis sahaja, bermula jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari. Talian untuk dihubungi, +673 2381100 atau +673 2380173 sambungan 2303.

Dengan itu, dimaklumkan juga dan demi mengutamakan keselamatan juga kesejahteraan pegawai dan kakitangan Jabatan Kemajuan Pelancongan dan orang awam, Prosedur Operasi Standard (SOP) yang sedia ada hendaklah dipatuhi semasa berada di pejabat tersebut untuk urusan.

Kerjasama juga pertimbangan daripada orang ramai adalah sangat diharapkan dan sebarang kesulitan yang dihadapi adalah amat dikesali juga Jabatan Kemajuan Pelancongan memohon maaf atas perkara ini. Sebarang perubahan akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

MENGUKUHKAN INSTITUSI KEKELUARGAAN

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 27 November. - Kewajipan menunaikan sembahyang terus berkekalan dan tidak akan gugur daripada diri seorang mukalaf walau dalam apa juga situasi juga keberadaannya selama dia masih bernafas dan berakal kerana kewajipan sembahyang itu merupakan tiang atau asas kepada agama Islam.

Sembahyang juga merupakan amalan pertama yang akan dihisab oleh Allah Subhanahu Wata'ala, di akhirat kelak.

Sehubungan itu, Jabatan Hal Ehwal Masjid melalui Unit Takmir Bahagian Imarah dengan kerjasama Syababul Wafa, Kumpulan Belia Masjid Kampung Perpindahan Mata-Mata mengungkapkannya satu program, iaitu Program

Bimbingan Solat Dalam Keluarga, baru-baru ini.


Program tersebut diadakan secara dalam talian, dengan menggunakan aplikasi Zoom.

Antara tujuan program ini diadakan adalah untuk mengukuhkan lagi kekeluargaan di antara ibu bapa dan anak-anak, di samping membimbing anak-anak tentang sembahyang.

Program juga dihasrat untuk melahirkan ibu bapa sebagai contoh atau *role model* dalam keluarga.

Selain melahirkan sebuah keluarga harmoni, program ini diharap akan dapat mendidik anak-anak dalam ilmu keagamaan, sekali gus menjadi pelapis pada masa akan datang.

Program berkenaan disertai oleh Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid, ibu bapa juga para belia.



JABATAN Hal Ehwal Masjid melalui Unit Takmir Bahagian Imarah dengan kerjasama Syababul Wafa, Kumpulan Belia Masjid Kampung Perpindahan Mata-Mata mengungkapkannya satu program, iaitu Program Bimbingan Solat Dalam Keluarga secara dalam talian.

Manakala ceramah pada program tersebut, disampaikan oleh Pengarah Pentadbiran dan Pengurusan Al-Minhaaj Centre, Awang Abdul Rahman bin Haji Ajak.

Dewan Sekolah Rendah Junjongan digunakan sementara untuk Sembahyang Fardu Jumaat



JEMAAH dan Penduduk Kampung Junjongan juga persekitarannya menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat buat sementara waktu sehingga projek pembinaan masjid baharu Kampung Junjongan siap dibina sepenuhnya.

KAMPUNG JUNJONGAN, Sabtu, 27 November. - Alhamdulillah, sebuah masjid baharu Kampung Junjongan akan dibina di tapak lama masjid berkenaan, dengan peruntukan sejumlah hampir BND5 juta dengan menggunakan peruntukan dari Tabung Dana Bagi Pembinaan Masjid Negara Brunei Darussalam.

Sebagai inisiatif dalam memeduli kebajikan juga keselesaan tempat ibadah Jemaah Masjid Kampung Junjongan, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Jabatan Hal Ehwal Masjid dengan kerjasama Kementerian Pendidikan menggunakan Dewan Sekolah Rendah Junjongan, untuk Jemaah dan Penduduk Kampung Junjongan juga persekitarannya bagi menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat buat sementara waktu sehingga projek pembinaan masjid baharu Kampung Junjongan siap dibina

sepenuhnya.

Bagi sembahyang fardu lima waktu, jemaah masjid dan penduduk kampung juga sekitarnya akan bersembahyang, di masjid-masjid berdekatan.

Penandatanganan bagi Projek Pembinaan Masjid Baharu Kampung Junjongan diadakan pada 30 Oktober lalu dan dijangka siap dalam tempoh 20 bulan.

Diharap dengan pembinaan masjid baharu, dengan kapasiti 1,624 orang itu nanti, akan dapat memberikan keselesaan kepada penduduk kampung berkenaan.

Di samping itu, dengan pembinaan masjid baharu tersebut, sekali gus merealisasikan hasrat dan dasar tujuan penubuhan Tabung Dana Bagi Pembinaan Masjid Negara Brunei Darussalam, iaitu sebagai saham orang ramai dalam menikmati manfaat akhirat yang sangat-sangat dihajati.



كمنترين كصحتن
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

Apa yang perlu awda lakukan jika awda mempunyai simptom setelah sembuh dari jangkitan COVID-19?

Awda boleh mengambil ubat-ubatan yang bersesuaian jika awda masih mengalami simptom ringan selepas pulih daripada jangkitan COVID-19.

Namun, jika simptom awda bertambah teruk, sila dapatkan rawatan dengan segera. Awda perlu memaklumkan pusat kesihatan bahawa awda baru sembuh dari jangkitan COVID-19.





MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Usahawan Muda Tonggak Kemajuan Ekonomi'. Tarikh Tutup : 1 Disember 2021
2. 'Amalkan Pemakanan Sihat, Kekalkan Kecergasan'. Tarikh Tutup : 8 Disember 2021
3. 'Tingkat Keazaman Hadapi Tahun Baharu'. Tarikh Tutup : 15 Disember 2021

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Oleh : Norlia Md. Zain
Foto : Ihsan Siti Kailene Mohd. Jazlan Kashfi



Tangani isu HIV/AIDS sewajarnya

JANGKITAN HIV dan Penyakit AIDS merupakan salah satu epidemik yang menggerunkan warga dunia, di mana ia wujud lebih daripada 30 tahun. Ia masih sahaja menjadi salah satu isu penyakit berjangkit dalam bidang kesihatan awam, di seluruh dunia. Oleh itu, 1 Disember dijadikan sebagai Sambutan Hari Aids Sedunia bagi meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai isu penyakit ini.

Semenjak wabak ini bermula, jangkitan HIV menjejaskan lebih daripada 75 juta orang dan meragut lebih daripada 32 juta nyawa, di seluruh dunia.

Jika dibandingkan dengan situasi HIV / AIDS secara global, pada awal abad ini, menurut laporan dari Joint United Nations Program on AIDS / HIV, iaitu UNAIDS, jumlah jangkitan baharu HIV menurun sebanyak 23 peratus, iaitu daripada 2.1 juta, pada 2010 kepada 1.7 juta, pada 2019. Di samping itu juga, kematian akibat penyakit AIDS juga menurun sebanyak 39 peratus, iaitu daripada 1.1 juta, pada tahun 2010 kepada 690 ribu, pada tahun 2019.

Pencapaian ini mencerminkan kejayaan usaha sama agensi-agensi kerajaan, di negara-negara seluruh dunia, yang didukung oleh kumpulan masyarakat setempat dan rakan pembangunan antarabangsa.

Setakat ini, sememangnya tidak ada rawatan khusus (*cure*) atau vaksin bagi jangkitan HIV. Walau bagaimanapun penghidap jangkitan HIV boleh dirawat menggunakan Anti-Retroviral Therapy (ART), di mana rawatan ini boleh membantu penghidap HIV untuk hidup lebih sihat dan meningkatkan jangka hayat mereka juga mengurangkan risiko penularan HIV, iaitu mencegah penghidap daripada menjangkiti HIV kepada orang lain.

Di Negara Brunei Darussalam (NBD), sejak penyakit ini mula dikesan, pada tahun 1986 hingga menjelang akhir tahun 2019, seramai 289 orang disahkan dijangkiti HIV dalam kalangan warganegara dan penduduk tetap, dan daripada jumlah tersebut, seramai 218 (75 peratus) orang masih hidup dengan HIV.

Jumlah kes tertinggi dilaporkan, adalah pada tahun 2019, iaitu sebanyak 42 kes, di mana 98 peratus adalah terdiri daripada kaum lelaki dan majoriti daripada kes adalah mereka yang dalam lingkungan usia 20 hingga 34 tahun.

Di negara kita, 85 peratus daripada penghidap HIV menerima rawatan ART dan dalam kalangan mereka yang menerima rawatan, 58 peratus berjaya dalam menyekat replikasi virus HIV di dalam badan ke tahap yang sangat rendah (*viral suppression*) hingga mereka tidak mempunyai risiko untuk menjangkiti orang lain.

Kita patut bersyukur kerana di negara ini, kemudahan-kemudahan kesihatan menerusi Pusat-pusat Kesihatan dan hospital-hospital di seluruh negara menyediakan

perkhidmatan untuk mengesan jangkitan HIV juga untuk memberi rawatan ART tersebut, yang boleh menyekat replikasi HIV dan penyebaran jangkitan HIV. Antara perkhidmatan yang disediakan adalah, termasuk Ujian Saringan HIV bagi ibu-ibu mengandung, permohonan pekerjaan (mengikut jenis pekerjaan), saringan pendermaan darah, dan ia juga dibukakan kepada individu-individu yang ingin membuat ujian HIV untuk mengetahui status HIV mereka.

Pembiayaan bagi rawatan perubatan bagi penyakit HIV adalah diberikan secara percuma oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi semua warganegara dan penduduk tetap, di NBD.

Banteras

Memandangkan rawatan yang ada setakat ini, belumlah lagi dapat menyembuhkan HIV / AIDS sepenuhnya, namun keperluan untuk menyekat penularan jangkitan juga melanjutkan kadar jangka hayat penghidap masih penting.

Oleh itu, cara atau kunci efektif untuk menghapuskan ancaman ini ialah memberi pemahaman, bahawa ia boleh dicegah dengan sepenuhnya.

Tiga langkah mudah, dapat mengurangkan ancaman HIV dan AIDS kepada diri kita sendiri dan masyarakat kita, iaitu 'A' - *Abstain* (Menahan diri), elakkan aktiviti yang boleh menyebabkan jangkitan HIV; 'B' - *Be faithful* (Jadilah setia); dan 'C' - *Get Checked* (Dapatkan pemeriksaan).

Pada asasnya, seks tanpa perlindungan dengan seseorang, selain pasangan berkahwin menimbulkan risiko terkena HIV. Lelaki yang mempunyai hubungan seks bersama lelaki yang tidak dilindungi lebih berisiko tinggi.

Cara penghantaran yang lain untuk HIV, termasuklah perkongsian jarum suntik atau jarum yang dijangkiti, perjangkitan ibu kepada anak dan menerima pemindahan darah yang dijangkiti HIV.

Oleh itu, masyarakat adalah diseru agar kita sama-sama membanteras jangkitan HIV dalam kalangan masyarakat di negara ini juga dalam mencapai sasaran untuk mengakhiri AIDS dalam Matlamat Pembangunan Mampan, pada 2030.

Semua pihak berkepentingan, termasuk agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan juga kumpulan-kumpulan masyarakat dan akar umbi perlu bekerjasama juga memberi dorongan dan dukungan agar kemudahan-kemudahan tersebut dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh mereka yang memerlukannya tanpa diskriminasi juga dilaksanakan secara terpelihara dan sulit atau *confidential*.

Stigma masyarakat kepada pesakit AIDS juga salah satu isu yang perlu dibendung

kerana pesakit AIDS ini sering menghadapi stigma dan diskriminasi dalam kalangan masyarakat. Kesannya, kehidupan golongan ini akan terus terbiar dalam kerosakan juga jauh daripada masyarakat dan penjagaan kesihatan. Sedangkan, mereka mempunyai hak terhadap fasiliti juga khidmat kesihatan. Masyarakat perlu sentiasa memberi suntikan semangat dan sokongan agar mereka lebih yakin menjalani kehidupan di sebalik jangkitan HIV.

Usaha yang murni

Majlis AIDS Negara Brunei Darussalam (BDAC) merupakan sebuah badan NGO yang giat mengadakan kempen kesedaran mengenai AIDS di NBD. Badan ini bergerak ke seluruh daerah bagi mengadakan pelbagai program, yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran terhadap HIV dan AIDS, mendorong perubahan sikap, membantu kumpulan sasaran membuat pilihan bijak dan rasional, dalam isu-isu berkaitan pergaulan bebas, penyakit kelamin juga kehamilan remaja dan menyebarkan pengetahuan peserta kepada teman sebaya.

Salah satu projek, di bawah BDAC, yang menerima Anugerah Projek Cemerlang untuk Belia bagi Tahun 2021 ialah Projek HIV / AIDS Awareness Programme for Peers and Youth (HAPPY). Projek HAPPY ini juga pernah menerima Anugerah Commonwealth Youth Silver dari Commonwealth Asia Centre.

Projek yang mula diperkenalkan sejak dari tahun 2008 lalu, kini mempunyai impak yang besar kepada pembangunan belia, khususnya kepada kesedaran mengenai HIV / AIDS. Selama 13 tahun ia dilaksanakan, projek tersebut berjaya melibatkan lebih 10 ribu orang dalam program pendidikan mengenai HIV / AIDS.

Menurut penyelaras program, Dayang Siti Kailene binti Mohd. Jazlan Kashfi, program HAPPY dikendalikan oleh belia yang menjurus kepada kesedaran HIV, termasuk pengetahuan mengenai kehamilan remaja dan jangkitan kelamin, meliputi empat daerah, di NBD.

Program ini mengambil masa selama satu jam setengah ke dua jam dan menggabungkan audio juga visual dan aktiviti interaktif untuk menyampaikan mesej yang lebih berkesan kepada para belia. Isi kandungan program ini disesuaikan dengan nilai juga identiti NBD.

Adapun objektif projek ini ialah meningkatkan kesedaran terhadap HIV & AIDS; Mendorong perubahan sikap; Membantu kumpulan sasaran untuk membuat pilihan bijak; Menolong kumpulan sasaran membuat pilihan rasional di dalam isu-isu sosial, terutama pergaulan bebas, penyakit kelamin dan kehamilan remaja; juga

Menyebarkan pengetahuan yang diperoleh oleh peserta kepada teman sebaya.

Hasil daripada usaha tersebut, kesedaran mengenai isu HIV / AIDS dijadikan sebagai salah satu daripada kursus PKBN, yang mengandungi silibus HAPPY. Selain itu, Kementerian Kesihatan menggunakan pengisian HAPPY dalam Kursus Pra-Nikah.

BDAC juga menandatangani Memorandum Persefahaman bersama Kementerian Kesihatan, pada 2019 untuk menjalankan projek HAPPY ke sekolah-sekolah dan institusi-institusi, di NBD.

Setelah projek ini dijalankan, semakin ramai individu mengambil inisiatif untuk membuat pemeriksaan kesihatan, terutama pemeriksaan HIV / AIDS, di samping terdapatnya peningkatan dan kesedaran yang tinggi kepada orang awam tentang kesedaran HIV, termasuk pengetahuan mengenai kehamilan remaja juga jangkitan kelamin, meliputi empat daerah, di NBD.

Kesimpulan

Walaupun tidak ada rawatan khusus (*cure*) atau vaksin bagi jangkitan HIV, namun penghidap jangkitan HIV boleh dirawat menggunakan ART, di mana rawatan ini boleh membantu penghidap HIV untuk hidup lebih sihat dan meningkatkan jangka hayat mereka juga mengurangkan risiko penularan HIV, iaitu mencegah penghidap daripada menjangkiti HIV kepada orang lain. Rawatan *antiretroviral*, bukan sahaja memastikan orang yang hidup dengan HIV boleh menjalani kehidupan yang panjang dan normal, tetapi diagnosis juga rawatan awal juga bermaksud mencegah jangkitan baharu.

Pengesanan awal HIV melalui ujian, juga merupakan komponen penting bagi tindak balas terhadap wabak HIV. Ujian HIV awal membawa kepada diagnosis awal. Ini tidak hanya memastikan, bahawa mereka yang telah dijangkiti HIV boleh diberi rawatan awal bagi memastikan mereka menjalani kehidupan seperti biasa, malahan rawatan awal juga membantu mencegah penularan penyakit selanjutnya

Kepada mereka yang rasa, bahawa mereka berisiko dan perlu menjalani ujian HIV, sebaiknya jalani ujian sulit, melibatkan ujian darah, yang boleh didapati di semua Pusat Kesihatan Kerajaan dan klinik juga kemudahan kesihatan swasta. Ini, kerana jika awda mengetahui, bahawa awda dijangkiti HIV, awda boleh mendapatkan rawatan perubatan dengan cepat dan setiap langkah yang awda buat untuk memastikan status awda adalah tetap dikategorikan sebagai sulit.

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland
Foto : Ihsan Dk. Nur Azierah Pg. Sahdan
Infografik : Meja Reka Kreatif,
Bahagian Pelita Brunei

HARI ANTARABANGSA BAGI PENGHAPUSAN KEGANASAN TERHADAP WANITA

25 NOVEMBER

HENTIKAN KEGANASAN TERHADAP WANITA!

“Wanita untuk
disayangi,
dihormati dan
dilindungi”

Wanita, insan dilindungi, disayangi, dihargai

SEKJAK tahun 1999, bertepatan dengan tarikh 25 November, setiap tahun, diisytiharkan menjadi tarikh tetap, bagi Sambutan Hari Antarabangsa bagi Penghapusan Keganasan terhadap Wanita oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Kes keganasan terhadap wanita bukanlah satu fenomena yang baru kita dengar. Ia membuka mata banyak pihak untuk bersatu menangani dan membanteras isu tersebut. Keganasan terhadap wanita, tidak terkecuali gadis juga kanak-kanak perempuan amat meluas dan berterusan hinggalah melanggar hak asasi manusia.

Kes keganasan, seperti keganasan dalam rumah tangga, merogol, mencabul, memperdagang wanita dan sebagainya menimbulkan kekhuatiran kepada masyarakat dan memberi kesan buruk terhadap negara.

Punca berlakunya keganasan terhadap wanita

Ada banyak sebab yang mendorong kepada berlakunya keganasan terhadap wanita. Salah satunya adalah disebabkan pengetahuan yang cetek dalam agama. Lelaki dilihat sebagai satu figura, yang sepatutnya menjadi pelindung kepada wanita. Akan tetapi, sesetengah lelaki yang tiada atau kurang peka atas tanggungjawab, yang sepatutnya dipikul ini sebagai sesuatu yang kurang penting kerana berasa mereka adalah betul dan berkuasa dalam sebuah hubungan. Cara pemikiran tersebut, di mana dianggap sebagai sesuatu yang kuno boleh merosakkan sesuatu hubungan juga menyebabkan ego mereka melebihi rasional ketika berfikir. Ini menyebabkan sesetengah lelaki kurang kawalan emosi dan berang juga menyebabkan mereka melakukan keganasan untuk menunjukkan kuasa dan menakuti wanita.

Di era globalisasi, di mana kewangan juga menjadi satu faktor yang menyebabkan keganasan rumah tangga hingga penceraian menjadi satu-satunya cara untuk melepaskan diri daripada keganasan yang ditanggung sekian lama. Ada juga golongan muda yang terdesak untuk berkahwin awal, di mana kewangan mereka belum lagi kukuh dan belum matang, dalam menguruskan rumah tangga. Ada sesetengah pasangan yang sanggup mengambil pinjaman dari pusat kewangan yang tidak formal, di mana faedahnya adalah dalam kadar yang tidak masuk akal. Ini menyebabkan kebanyakan pasangan muda selalu bertengkar mengenai perkara ini dan sengsara setelah berkahwin.

Kes-kes rogol dan sumbang mahram juga

tidak asing lagi pada zaman sekarang. Antara sebab mengapa ia berlaku adalah disebabkan pergaulan yang tiada batas dan terlampau bebas di antara lelaki dan wanita. Pakaian wanita pada masa kini juga kurang sopan dan walaupun sesetengahnya berhijab, tetapi masih menampakkan bentuk badan. Pendedahan pada awal umur mengenai filem-filem dewasa juga menjadi salah satu punca mengapa wanita selalu menjadi mangsa. Kebanyakan filem-filem yang ditayangkan di kaca televisyen adalah berunsurkan rogol, buli dan bercumbucumbuan. Ini menyebabkan golongan remaja terpengaruh untuk meniru aksi-aksi dari filem yang ditayangkan.

Gangguan seksual juga sudah menjadi sesuatu yang tidak janggal di tempat pekerjaan, tidak kira sama ada wanita itu sudah bersuami ataupun tidak. Gangguan seksual secara lisan dan fizikal tidak sepatutnya menjadi sesuatu kebanggaan atau norma, dalam sesuatu pekerjaan juga tidak sepatutnya dianggap remeh.

Pemerdagangan wanita turut menjadi semakin berleluasa disebabkan desakan untuk mengharungi kehidupan dan kos standard kehidupan yang semakin meningkat. Dengan kadar gaji yang diperoleh melalui pekerjaan sebenar kurang lumayan, malahan pendapatan yang tidak menentu, ada yang sanggup untuk mencari pendapatan sampingan hingga menggadai maruah juga mengunci mulut, walaupun didera oleh pasangan atau pelanggan mereka dalam hubungan seksual asalkan mereka boleh hidup dengan mewah.

Kesan keganasan terhadap wanita

Kesan atau impak daripada keganasan yang dialami oleh wanita juga boleh dikategorikan sebagai sesuatu yang tragis. Kesan keganasan selalunya boleh dikesan apabila tindakan dilakukan secepatnya setelah keganasan dilakukan. Ini kerana lebam-lebam dan luka-luka yang terdapat di badan mangsa akan mengambil masa yang lama untuk diubati. Hal ini bukan sahaja melibatkan jenayah seksual, malah, termasuk juga penderaan dari segi mental dan fizikal. Ini menyebabkan tekanan perasaan dan trauma kepada kaum wanita.

Langkah-langkah jika berlakunya keganasan

Untuk membantu mangsa-mangsa untuk bangkit daripada kes-kes keganasan yang mereka lalui, pihak tertentu akan memberikan kaunseling dan bantuan moral kepada mangsa-mangsa keganasan. Dari

sesi kaunseling yang diberikan oleh pakar, mangsa-mangsa bolehlah berkongsi cerita dan mereka akan diberikan bimbingan bagaimana untuk mengawal diri, dari perasaan takut, marah juga kesedihan atas apa yang berlaku.

Selain dari itu juga, bimbingan dan nasihat, dari segi agama akan diberikan supaya mangsa-mangsa faham mengapa ia penting untuk menjaga maruah, aurat juga menjaga nama baik keluarga. Mangsa akan dinasihati dan diingatkan akan kesannya jika mereka berdiam diri bila keganasan berlaku. Peringatan ini adalah untuk memastikan tidak akan ada mangsa-mangsa lain lagi yang akan terlibat.

Kempen-kempen dan sokongan dari persatuan-persatuan wanita juga semakin banyak, di mana mereka berganding bahu dalam memerangi keganasan terhadap wanita. Banyak kempen kesedaran dibuat, termasuk juga di sekolah-sekolah, kebanyakan pelajar sudah pun faham akan batas dan integriti seorang wanita. Pada amnya, wanita juga boleh menjadi pemimpin di dalam beberapa bidang dan Islam memartabatkan wanita, dalam golongan yang mesti dilindungi dan disayangi.

Lindungi wanita

Sempena Memperingati Hari Antarabangsa bagi Penghapusan Keganasan Terhadap Wanita, satu forum kesedaran diadakan dan program tersebut dinamakan, 'Projek Memperkasa Komuniti' (Empowering Community).

Seperti yang dikongsikan oleh Dayang Hajah Normah Suria Hayati binti Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Laila Utama Profesor Kehormat (Dr.) Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri selaku Pesuruhjaya Hak Wanita, Suruhanjaya ASEAN dalam Mempromosi dan Melindungi Hak-Hak Wanita dan Kanak-Kanak (ACWC) Brunei Darussalam, pada 27 November 2021 melalui forum, yang diadakan secara maya menyatakan, projek ini meliputi semua aspek permasalahan sosial, termasuklah kemiskinan, hal ehwal kanak-kanak dan kaum wanita.

Perbincangan tersebut berfokus kepada penderaan kepada kaum wanita sempena Hari Antarabangsa Pembanteras Keganasan Ke Atas Wanita 2021. Ia merupakan program complimentary atau mengandungi kepada integriti yang sedang dan masih berjalan, di bawah autoriti kerajaan juga Badan Bukan Kerajaan (NGO).

Tujuan projek ini dikendalikan ialah untuk sama-sama melibatkan komuniti atau

masyarakat dalam sama-sama menangani isu-isu sosial di peringkat kampung atau mukim. Pelaksanaannya akan melibatkan para Ahli Takmir Masjid, Muslimah-muslimah dan para Belia Masjid sebagai sukarelawan.

Masjid dijadikan sebagai pusat bagi pelaksanaan projek kerana beberapa sebab, iaitu kewujudan masjid di setiap kawasan kampung dan mukim, terdapatnya Ahli Takmir, Muslimah dan Belia sebagai pengerak. Ia juga boleh dijadikan sebagai pusat bersilaturahmi dan pembangunan kerohanian diri.

Fasa pertama akan melibatkan program bersilaturahmi dan saling kenal mengenal di antara ahli sukarelawan dan warga kampung, yang memerlukan bantuan. Semoga pelaksanaan projek ini akan dipermudahkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Statistik kes-kes keganasan rumah tangga

Dalam forum tersebut juga, Dayang Siti Zahrah binti Haji Abdul Razak selaku Penolong Pengarah Bahagian Keluarga, Wanita dan Kanak-Kanak Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) menjelaskan, secara sepintas lalu, statistik mengenai kes-kes keganasan rumah tangga yang ditangani oleh JAPEM, pada tahun 2019 sebanyak 28 kes. Manakala, pada tahun 2020, sebanyak 24 kes dan setakat Oktober 2021, sebanyak 18 kes.

Dikongsikan juga, masalah suami isteri yang ditangani setakat Oktober 2021, adalah sebanyak 28 kes. Manakala, penderaan kanak-kanak sebanyak 10 kes, setakat Oktober 2021 ini.

Jumlah tersebut menunjukkan sememangnya kes keganasan rumah tangga dan penderaan sememangnya berlaku, di negara kita. Oleh itu, kita haruslah peka dengan mengambil langkah pemedulian agar kejadian ini dapat dibendung juga tidak berlarutan. Jika berlarutan, sememangnya ia mendatangkan kesan yang buruk.

Penutup

Adalah menjadi tanggungjawab besar kaum lelaki untuk menjadi pelindung kepada kaum wanita. Juga penting bagi mereka membimbing kaum wanita menggunakan akal fikiran yang dikuniakan Allah Subhanahu Wata'ala dan menghindari daripada melakukan kekerasan atau keganasan.

Kaum lelaki diciptakan untuk melindungi kaum wanita dan dipertanggungjawabkan untuk sentiasa menjaga keselamatan juga kebajikan golongan wanita dan kanak-kanak perempuan. Oleh itu, sayangi juga lindungilah kaum wanita.



PENDAFTARAN DIBUKA UNTUK MENCARI HARTA KARUN MAYA

■ Siaran Akhbar dan Infografik : Brunei Events

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 27 November. - Brunei Events akan menganjurkan Mencari Harta Karun Maya Edisi Percutian (Virtual Treasure Hunt Holiday Edition) sempena Festival Disember Brunei (Brunei December Festival - BDF), pada Ahad, 26 Disember 2021.

Empat orang dalam satu pasukan akan menyelesaikan teka-teki dan semua cabaran, semua daripada keselesaan rumah mereka sendiri untuk berpeluang memenangi kumpulan hadiah bernilai hingga BND2,000.

Pendaftaran untuk Virtual Treasure Hunt Edisi Percutian, kini dibuka dan peserta yang berminat, boleh mendaftar secara dalam talian, di www.brunei.events.

Promosi *early bird* dibuka sekarang sehingga 11 Disember 2021, dengan yuran pendaftaran sebanyak BND100 setiap pasukan,

yang terdiri daripada empat orang. Selepas 11 Disember 2021, yuran pendaftaran standard sebanyak BND120 akan dikenakan.

Setiap peserta yang mendaftar akan menerima *goodie bag*, baju-T dan eCertificates juga peluang memenangi hadiah cabutan bertuah.

Edisi Percutian ini adalah acara kedua Mencari Harta Karun Maya, yang dianjurkan oleh Brunei Events. Edisi pertama dianjurkan awal bulan ini dengan lebih daripada 30 pasukan mendaftar untuk mengambil bahagian.

Dengan kejayaan yang pertama, Brunei Events berharap untuk mendapatkan lebih banyak pasukan untuk menyertai keseronokan dalam pusingan seterusnya. Seperti tajuknya, pusingan ini akan membawa tema cuti akhir tahun dan tahun baharu.

Edisi Percutian juga merupakan sebahagian daripada BDF 2021. BDF merupakan inisiatif Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui Lembaga Pelancongan Brunei untuk mempromosikan acara domestik dalam pelbagai kategori.

Bagi menyokong inisiatif #TERANAHDIRUMAH oleh Kementerian Kesihatan, kebanyakan acara akan diadakan secara dalam talian.

Mereka yang berminat, boleh mendaftarkan pasukan mereka untuk Virtual Treasure Hunt Holiday Edition, di laman sesawang Brunei Events, <https://brunei.events/virtual-treasure-hunt-holiday/> sehingga 19 Disember 2021.

Sebagai alternatif, awda boleh menghubungi talian Hotline menerusi +673 8983827 untuk mengetahui lebih lanjut mengenai Virtual Treasure Hunt Holiday Edition 2021.

Wadah hasilkan rencana terbaik



Peraduan Menulis Rencana Umum Jurnal Beriga 2021-2022

Tarikh tutup penyertaan: Khamis, 31 Mac 2022 Pukul 4.00 petang

Untuk keterangan lanjut bolehlah menghubungi:

Urus Setia
Peraduan Menulis Rencana Umum
Jurnal Beriga 2021-2022
Bahagian Penyelidikan, Dokumentasi dan Pengiktirafan
Tingkat 2, Dewan Bahasa dan Pustaka
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Jalan Pembangunan
Lapangan Terbang Lama, Berakas BB3510
Negara Brunei Darussalam

Telefon: ☎ 2382511 sambungan 148 dan 221
Faks: ✉ 2381817

Borang Peraduan boleh didapati dalam Jurnal Beriga Bil. 127 keluaran Julai - Disember 2021

Sila imbas kod QR untuk keterangan lanjut mengenai peraduan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 27 November. - Warganegara dan Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam, termasuk penulis-penulis, penjawat awam, penyelidik, cendekiawan, ahli akademik,

para mahasiswa institusi pengajian tinggi sangat dialu-alukan untuk menyertai Peraduan Menulis Rencana Umum Jurnal Beriga 2021 - 2022.

Pertandingan anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)

melalui Bahagian Penyelidikan, Dokumentasi dan Pengiktirafan adalah bersempena dengan Sambutan Bulan Bahasa 2021.

Peraduan tersebut merupakan satu wadah bagi menghasilkan rencana yang terbaik sehingga



bruneievents

VIRTUAL TREASURE HUNT

HOLIDAY EDITION

IN CONJUNCTION WITH Brunei December Festival 2021

THE MOST CHALLENGING AND ENGAGING TEAM EVENT RETURNS!

REGISTER NOW
www.brunei.events

26 DEC SUNDAY 08:00 AM TO 12:00 PM

PRIZE POOL VALUE UP TO B\$2000

+ STAND A CHANCE TO WIN EXCITING LUCKY DRAW PRIZES!

EXPERIENCE THE FUN WITHOUT LEAVING HOME

MINISTRY OF HOME AFFAIRS
mixtrade mint BRUNEIAN mixel borneo events

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Infografik : Ihsan Dewan Bahasa dan Pustaka

mampu menjadi sumber rujukan juga bacaan yang unggul di peringkat nasional, serantau dan antarabangsa.

Borang penyertaan hanya boleh didapati dalam Jurnal Beriga, Bil. 127 keluaran Julai - Disember 2021 dan tarikh tutup penyertaan adalah pada Khamis, 31 Mac 2022, jam 4.00 petang.

Para peserta yang ingin menyertai peraduan berkenaan hendaklah berumur 17 tahun ke atas, pada atau sebelum tarikh tutup penyertaan.

Objektif peraduan, antaranya memperkasa dan mengukuhkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara melalui penulisan.

Selain itu, ia dapat mengembangkan kemahiran menulis dalam penulisan rencana umum, berunsurkan ilmiah dengan menghasilkan pemikiran juga gagasan yang analitis dan kritis.

Peraduan juga diharap akan memperbanyakkan sumber rujukan yang berkualiti tinggi, hasil daripada rencana yang diterbitkan, di samping meningkatkan kualiti Jurnal Beriga, dengan pengisian rencana yang padat dengan kandungan dan maklumat yang terbaik juga terkini.

Adapun peraduan ini memfokuskan kepada penulisan rencana yang mencakupi kajian penyelidikan tentang alam sekitar, budaya, ekonomi, nasionalisme, keagamaan, kemasyarakatan, kepimpinan, keselamatan, kesihatan, pendidikan, perusahaan, pembangunan,

teknologi, sains, Revolusi Industri 4.0 atau isu semasa yang mendukung dan selaras dengan Wawasan Brunei 2035.

Syarat penyertaan, antaranya ialah Panjang rencana tidak kurang dari 3,500 patah perkataan; Rencana hendaklah mengandungi abstrak dalam bahasa Melayu dan Inggeris, ditulis 100 - 200 patah perkataan, dengan menyertakan 3 - 5 kata kunci sahaja.

Selain itu, Rencana mestilah asli, bukan terjemahan, saduran (penyesuaian) atau apa sahaja yang menyebabkannya bukan karya asli; dan Rencana juga mestilah bukan sepenuhnya atau sebahagian daripada Kerja Kursus, Latihan Ilmiah atau Disertasi.

Setiap peserta boleh menghantar tidak lebih daripada dua penyertaan sahaja dan rencana yang dihantar mestilah belum pernah diterbitkan, sama ada sebahagian atau sepenuhnya juga belum pernah terikat dengan mana-mana pihak untuk diterbitkan dan beberapa syarat yang lainnya.

Sebarang keterangan lanjut mengenai peraduan, bolehlah mengimbas Kod QR yang tertera pada poster peraduan atau menghubungi Urus Setia Peraduan Menulis Rencana Umum Jurnal Beriga 2021 - 2022, Tingkat 2, Bahagian Penyelidikan, Dokumentasi dan Pengiktirafan, DBP atau menghubungi talian +673 2382511 sambungan 148 atau 221 atau e-mel ke editor.beriga@dbp.gov.bn.

UK, JERMAN, ITALI LAPOR KES COVID-19 BABITKAN VARIAN OMICRON



ANKARA, 28 Nov. - United Kingdom (UK) pada Sabtu mengumumkan dua kes varian Omicron dikesan di negara ini, lapor Agensi Anadolu. "Kami telah dimaklumkan oleh @UKHSA (Agensi Keselamatan Kesihatan UK) mengenai dua kes

varian Omicron. Kedua-dua kes itu dikaitkan dan terdapat kaitan dengan perjalanan ke negara di selatan Afrika," kata setiausaha negara untuk kesihatan dan penjagaan sosial, Sajid Javid, di Twitter.

Kedua-dua individu itu kini menjalani kuarantin sendiri.

"Kami juga menambah Malawi, Mozambique, Zambia dan Angola ke dalam senarai merah perjalanan, berkuat kuasa 4 pagi Ahad dan mereka yang pulang dari negara-negara terlibat dalam tempoh 10 hari lepas

perlu menjalani kuarantin dan melakukan ujian PCR.

"Jika anda layak untuk suntikan penggalak, sekarang adalah masa untuk mendapatkannya," katanya.

Minggu ini, saintis Afrika Selatan mengumumkan telah menemukan varian Omicron, yang mempunyai beberapa mutasi yang mungkin membawa risiko jangkitan semula. Varian yang sama turut dikesan di Botswana serta Hong Kong.

Pada Jumaat, Pertubuhan Kesihatan Sedunia mengisytiharkan ia sebagai varian yang membimbangkan dinamakan

Omicron.

Beberapa negara di seluruh dunia telah menyekat penerbangan dari beberapa negara di selatan Afrika termasuk Afrika Selatan, Namibia, Botswana, Zimbabwe, Mozambique, Lesotho dan Eswatini.

Selain itu, kes jangkitan melibatkan varian Omicron turut dilaporkan dikesan di Jerman (dua kes) dan Itali (satu kes) pada Sabtu. - ©BERNAMA

Varian Omicron : Turki bawa keluar 41 rakyatnya dari Afrika Selatan

JOHANNESBURG (Afrika Selatan), 28 Nov. - Turki pada Sabtu membawa keluar rakyatnya dari Afrika Selatan menerusi penerbangan Turkish Airlines, berikutan penularan varian baharu COVID-19, Omicron.

Seramai 41 penumpang dibawa keluar dari dua bandar terbesar di Afrika Selatan iaitu Cape Town dan Johannesburg, diterbangkan ke Istanbul, kata seorang pegawai syarikat penerbangan kepada Agensi Anadolu.

Mereka akan menjalani kuarantin selama 14 hari tanpa mengira status vaksinasi.

Kedutaan Turki di Pretoria menerusi Twitter memaklumkan penerbangan Turkish Airlines itu adalah penerbangan terakhir dari Afrika Selatan ke Turki sehingga diberitahu kelak.

Turki pada Jumaat mengumumkan mengenakan sekatan perjalanan dari Afrika Selatan, Botswana, Mozambique, Namibia dan Zimbabwe mulai 27 Nov susulan varian Omicron. - ©BERNAMA

3 kanak-kanak maut di Tanzania selepas makan daging penyus

DAR ES SALAAM (Tanzania), 28 Nov. - Tiga kanak-kanak maut selepas memakan daging penyus di Pulau Pemba di Zanzibar, Tanzania, lapor Agensi Berita Xinhua.

Komander polis wilayah Pemba Utara, Juma Sadi, berkata 22 lagi yang lain dimasukkan ke hospital.

"Mangsa yang maut itu adalah daripada satu keluarga. Dua daripada mangsa yang dimasukkan ke hospital juga kanak-kanak dan dilaporkan dalam keadaan kritikal," kata Sadi sambil menambah daging penyus itu disyaki beracun.

Pegawai polis itu berkata sampel daging penyus itu telah dihantar kepada pihak berkuasa berkaitan untuk dianalisa. - ©BERNAMA

Varian baharu COVID-19 : Arab Saudi sekat penerbangan dari 7 negara benua Afrika

KUALA LUMPUR, 27 Nov. - Kerajaan Arab Saudi pada Jumaat memutuskan untuk menyekat penerbangan masuk dari tujuh negara benua Afrika berikutan kemunculan varian baharu COVID-19.

Negara yang tersenarai dalam sekatan perjalanan adalah Afrika Selatan, Namibia, Botswana, Zimbabwe, Mozambique, Lesotho, dan Eswatini.

Agensi Berita Arab Saudi (SPA) yang memetik kenyataan Kementerian Dalam Negeri Saudi (MOI), melaporkan penerbangan komersial dan persendirian dari kesemua negara terbabit akan disekat berkuat kuasa tengah hari Jumaat waktu tempatan.

Selain itu, pengembara bukan rakyat Arab Saudi yang datang melalui negara-negara tersenarai juga dilarang memasuki

negara ini.

"Warga asing yang tiba dari kesemua negara terbabit tidak dibenarkan masuk ke Arab Saudi," menurut kenyataan itu,

Bagaimanapun, pengecualian diberi kepada pengembara yang telah menghabiskan tempoh tidak kurang daripada 14 hari di negara lain dan prosedur kesihatannya diiktiraf kerajaan Arab Saudi.

"Pengecualian itu juga tertakluk kepada syarat prosedur kuarantin selama lima hari oleh Kerajaan Arab Saudi dan dipantau pihak berkuasa kesihatan.

"Mereka yang datang daripada negara-negara tersebut termasuk rakyat Arab Saudi tanpa mengira status imunisasi juga tertakluk kepada prosedur kuarantin itu," menurut kementerian.

SPA melaporkan semua prosedur dan langkah pencegahan

tertakluk kepada penilaian berterusan pihak berkuasa kesihatan Arab Saudi berdasarkan perkembangan situasi pandemik COVID-19 global.

Kementerian turut menasihati rakyatnya agar menagguhkan sementara perjalanan tidak penting ke negara berkenaan sehingga diberitahu kelak.

Semalam beberapa agensi media dunia melaporkan Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) mengeluarkan amaran mengenai penularan varian baharu COVID-19 yang dikesan di Afrika Selatan.

Berikutan itu, Kesatuan Eropah (EU) dan Britain telah mengetatkan kawalan sempadannya, sementara saintis sedang menjalankan penyelidikan untuk mengenal pasti sama ada vaksin sedia ada kebal terhadap varian itu atau sebaliknya. - ©BERNAMA

Harga naik, KPNDHEP lancar Op Pasar (Sayur 2)

KUALA TERENGGANU, 28 Nov. - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPNDHEP) melancarkan Op Pasar (Sayur 2) di seluruh negara mulai semalam.

Ia susulan laporan kenaikan harga barangan makanan itu yang didakwa mencapai tahap hingga 200 peratus di pasaran.

Timbalan Menteri Datuk Rosol Wahid berkata setakat hari pertama, 43 premis dan 131 jenis sayur seperti sawi, kacang buncis, brokoli dan cili merah telah diperiksa meliputi semua peringkat rangkaian pengedaran iaitu pembekal, pemborong dan peruncit di seluruh negara.

"Kementerian tidak pernah memandang ringan keluhan pengguna dan peniaga terhadap kenaikan harga barang di pasaran kerana kami juga mempunyai keluarga, saudara-mara dan sahabat handai yang turut merasai tempas ini.

"Setakat semalam, KPNDHEP telah mengeluarkan 43 notis pengesahan maklumat bertulis dan 40 notis bertulis kepada peniaga bagi mendapatkan pengesahan

sama ada wujud unsur pencatutan atau ambil untung berlebihan atas harga jualan sayuran," katanya ketika ditemui pada program kempen keselamatan pengguna kerjasama Petronas dan KPNDHEP di Kuala Berang, hari ini.

Turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif yang juga merangkap Pengarah Urusan Petronas Dagangan Berhad Azrul Osman Rani.

Tambah Rosol lagi, bagi notis pengesahan maklumat bertulis, peniaga diberi masa dua hari untuk menjawab manakala untuk notis bertulis, tempoh lima hari diperuntukkan untuk mendapatkan maklum balas.

Pada masa sama, seramai 1,000 pegawai pemantau harga (PPH) ditugaskan untuk membuat pemantauan di 1,500 lokasi setiap hari bagi meninjau serta merekodkan perubahan harga sayur-sayuran di pasaran.

"PPH dan pegawai penguat kuasa kita memang turun padang setiap hari tanpa gagal untuk memantau harga barangan di lapangan dan sentiasa

melaporkannya sekiranya berlaku perubahan harga," katanya.

Dalam perkembangan lain, Rosol yang juga Ahli Parlimen Hulu Terengganu berkata pihak Gardenia Bakeries (KL) Sdn Bhd dijangka akan memberi maklum balas berhubung saranan kementerian kepada syarikat itu untuk menagguhkan sementara kenaikan harga roti esok.

Beliau berkata saranan itu disampaikan kepada syarikat berkenaan dalam satu pertemuan pada Jumaat untuk mendapatkan justifikasi mengenai perubahan harga itu.

"Walaupun begitu, kita juga sedang memikirkan mekanisme untuk membantu mereka (Gardenia (KL) Sdn Bhd) yang turut terkesan dengan peningkatan harga gandum yang membawa kepada kenaikan harga roti. Kita seboleh-bolehnya mahu mewujudkan situasi menang-menang bagi kedua-dua pihak dan peniaga tidak perlu tutup kilang sementara pengguna juga tidak terbeban dengan kenaikan harga walaupun 10 sen," katanya. - ©BERNAMA

Lebih 100 ditahan, rusuhan di Kepulauan Solomon

MOSCOW, 27 Nov. - Lebih 100 orang ditahan di Kepulauan Solomon susulan rusuhan yang tercetus di Honiara.

"Polis Diraja Kepulauan Solomon (RSIPF) menahan lebih 100 suspek berkaitan dengan insiden protes, rusuhan dan rompakan di Honiara," lapor Sputnik memetik kenyataan polis pada Sabtu.

Pesuruhjaya Polis Mostyn Mangau menyeru orang ramai supaya berhenti daripada mencetuskan kekacauan.

"Sila berhenti merompak dan bakar prasarana yang ada. Ia tidak memberi sebarang manfaat anda," kata Mangau.

Rusuhan mula tercetus pada Rabu apabila penunjuk perasaan menuntut Perdana Menteri Manasseh Sogavare meletakkan jawatan.

Kepulauan Solomon turut memohon bantuan kerajaan Australia untuk menangani kekacauan itu. - ©BERNAMA

Bas penumpang rempuh rumah di Mexico, 21 maut 30 cedera

MEXICO, 27 Nov. - Seramai 21 orang maut manakala 30 lagi cedera selepas sebuah bas penumpang merempuh sebuah rumah di tengah Mexico, lapor Sputnik memetik akhbar Razon de Mexico.

Nahas itu berlaku pada Jumaat di perbandaran Joquicingo. Kerja-kerja menyelamat masih dijalankan. - ©BERNAMA

Pengembara VTL-Land wajib jalani ujian saringan COVID-19 semasa ketibaan mulai 29 Nov

SINGAPURA, 28 Nov. - Semua pengembara yang tiba di Singapura dari Malaysia melalui Laluan Perjalanan Lengkap Vaksin-Laluan Darat (VTL-Land) wajib menjalani ujian pengesanan pantas (RTK) semasa ketibaan, menurut Kementerian Perdagangan dan Industri (MTI) republik itu hari ini.

"Ia akan berkuat kuasa mulai 8 pagi, 29 Nov bermula dengan pengembara darat pertama yang tiba di Singapura," menurut kenyataan MTI.

Kementerian memaklumkan langkah itu diambil ekoran perkembangan terbaru mengenai

varian baharu COVID-19, B.1.1.529 yang lebih pantas merebak.

"RTK semasa ketibaan membolehkan kami mengurangkan risiko penularan B.1.1.529 ke Singapura dan membolehkan kami memperluas VTL-Land secara beransur-ansur

secara selamat dan tersusun," katanya.

Ujian saringan RTK itu akan dilaksana di Woodlands Temporary Bus Interchange dan Terminal Queen Street dan pembayaran RTK perlu dibuat secara e-pembayaran di pusat ujian.

Singapura dan Malaysia melancarkan VTL-Land merentasi Tambak mulai 29 Nov 2021, untuk membuka semula perjalanan

rentas sempadan.

Kementerian turut mengingatkan semua pengembara untuk membeli tiket bas dan memastikan mempunyai dokumen diperlukan sebelum menaiki bas VTL yang ditetapkan.

Maklumat lanjut VTL-Land Singapura dan Malaysia, boleh didapati di laman sesawang <https://safetravel.ica.gov.sg/vtl-land/overview>. - ©BERNAMA

Sukan

INFO SUKAN

POLO air merupakan sebuah sukan kompetitif yang dimainkan secara berkumpulan di dalam air oleh dua pasukan. Permainan ini terdiri daripada empat pusingan, kebiasaannya lapan minit, di mana kedua-dua pasukan cuba menjaringkan jaringan (atau gol) dan membalik bola ke gol pasukan lawan. Pasukan dengan jaringan terbanyak di akhir perlawanan dikira sebagai pemenang.



ePaper Pelita Brunei

PATUHI PIAWAIAN WORLD ANTI-DOPING CODE 2021



JAWATANKUASA Anti-Doping Brunei Darussalam, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) mengadakan Majlis Penandatanganan Penerimaan Peraturan Anti-Doping Brunei Darussalam 2021, yang diadakan secara maya.

Exemption (ISTUE) dan Results Management (ISRM). Berikutan pengemaskinian tersebut, NBD melalui Jawatankuasa Anti-Doping Brunei Darussalam (BDADC) mengemas kini Peraturan Anti-Doping NBD 2015 kepada 2021, yang dihadapkan ke WADA dan ia disahkan menepati (*align*) kepada WADC 2021 daripada Chief Compliance Manager WADA, Emiliano Simonelli melalui e-mel, bertarikh 25 Ogos 2020 dan NBD melalui BDADC juga mengesahkan menerima Peraturan Anti-Doping Brunei Darussalam, pada 26 September 2020.

Salah satu komitmen NBD selaku Ahli WADA adalah untuk menerima (*adoption*) dan mematuhi (*compliance*) kepada WADC2021. Mana-mana negara yang gagal berbuat demikian, ia boleh digantung (*sanction*) daripada sebarang penglibatan, penganjuran juga penyertaan bagi sebarang aktiviti dan kejohanan sukan, pada peringkat serantau juga antarabangsa. Untuk makluman, NBD menerima dan mematuhi WADC sejak 29 Oktober 2009.

Sebagai mematuhi juga komitmen NBD kepada WADC2021 dan Peraturan Anti-Doping Brunei Darussalam 2021, agensi-agensi sukan di negara ini juga perlu menerima juga mematuhi, dengan menandatangani penerimaan (*signatory*). Ini merupakan salah satu peraturan, di dalam WADC2021 (Artikel 20, 20.4, 20.4.1 & 20.4.2).

Dalam hubungan ini, pihak BDADC menghadapkan permohonan kepada Pejabat Peguam Negara, dalam meneliti Peraturan Anti-Doping Brunei Darussalam 2021, seterusnya pelaksanaan majlis ini.

BDADC sukacita memaklumkan, bahawa pihak Pejabat Peguam Negara telah memberi maklum balas, bahawa Peraturan Anti-Doping Brunei Darussalam 2021 adalah tidak bertentangan dengan undang-undang dan tiada halangan bagi pelaksanaan majlis ini.

Adapun tujuan majlis ini diadakan adalah untuk memberi maklumat juga pengenalan mengenai WADC2021, yang diguna pakai, bermula 1 Januari 2021.

Dengan termeterainya penandatanganan penerimaan Peraturan Anti-Doping Brunei Darussalam, yang disempurnakan oleh wakil daripada persatuan / persekutuan sukan kebangsaan, maka NBD telah mematuhi piawaian WADC2021.

Siaran Akhbar dan Foto : Brunei Darussalam Anti-Doping Committee

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 27 November. - Jawatankuasa Anti-Doping Brunei Darussalam, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) mengadakan Majlis Penandatanganan Penerimaan Peraturan Anti-Doping Brunei Darussalam 2021, yang diadakan secara maya.

Sebanyak 53 buah persatuan atau persekutuan sukan kebangsaan yang hadir untuk memberikan persetujuan dan tandatangan melalui wakil persatuan atau persekutuan sukan kebangsaan sebagai sokongan kepada program-program *anti-doping*, pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Setiausaha Tetap (Pentadbiran, Kewangan dan Estet) KKBS, Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud.

Turut hadir, Director General South East Asian

Anti-Doping Organization, Singapura, Gobinathan Nair juga wakil daripada Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam dan Majlis Paralimpik Kebangsaan Brunei Darussalam.

Director General South East Asian Anti-Doping Organization, Singapura, Gobinathan Nair menyampaikan ucapan, yang menerangkan mengenai dengan dokumen World Anti-Doping Code (WADC) 2021 dan kepentingan pelaksanaan program pembelajaran *anti-doping* bagi setiap persatuan kebangsaan sukan, di NBD.

World Anti-Doping Agency (WADA) mengemas kini WADC yang telah berkuat kuasa, mulai 1 Januari 2021. WADC dikemas kini, pada tahun 2009, 2015 dan yang terkini, pada tahun 2021 (WADC2021).

Antara pengemaskinian terkini ialah bagi Kesalahan-kesalahan Anti-Doping (Anti-Doping Rules Violations - ADRV) daripada 10 kesalahan menjadi 11 kesalahan dan penambahan kepada Piawaian Antarabangsa (International Standards) bagi Pendidikan (ISE), Therapeutic Use

Pemakluman domain baharu FABD

Siaran Akhbar : Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 27 November. - Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD) sukacita ingin memaklumkan secara rasmi mengenai laman domain baharu mereka, iaitu www.the-fabd.com.

Pertukaran ke domain baharu ini merupakan sebahagian daripada usaha penjenamaan semula FABD, bertujuan untuk menerapkan perkembangan baharu ke dalam arena bola sepak, termasuk penambahbaikan dalam komunikasi di antara persatuan dan pihak berkepentingan.

Laman sesawang baharu tersebut direka untuk menjadi mesra pengguna, dengan maklumat mengenai sukan, termasuk senarai kedudukan liga, perkembangan dan dokumentari yang mudah diakses, dengan hanya menekan satu klik sahaja dari

telefon bimbit.

Dalam jangka masa panjang, FABD juga ingin menambah beberapa fungsi pada laman tersebut untuk menyokong keperluan komunikasi.

Melalui pengaktifan daripada domain baharu, FABD juga ingin memaklumkan, bahawa kesemua alamat e-mel yang digunakan sebelum ini juga telah diubah. Kontak-kontak utama bagi persatuan ini ialah president@the-fabd.com; general.secretary@the-fabd.com; dan secretariat@the-fabd.com.

FABD ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak berkepentingan bagi sokongan mereka dan berharap sokongan tersebut akan berterusan dalam menyediakan kualiti bola sepak di Negara Brunei Darussalam.

Skuad Bunga Raya 7s layak ke Sukan Komanwel 2022

KUALA LUMPUR, 27 Nov. - Skuad ragbi tujuh sebelah (7s) negara berjaya menempah slot ke Sukan Komanwel 2022 di Birmingham, United Kingdom.

Naib Presiden Kesatuan Ragbi Malaysia (KRM) Fahmy Jalil berkata pasukan dikenali skuad Bunga Raya 7s itu layak beraksi dalam temasya sukan itu setelah menduduki tempat kedua teratas dalam senarai pasukan dari negara Komanwel yang menyertai Kejohanan Asia Ragbi 7s di Dubai, Emiriah Arab Bersatu (UAE), baru-baru ini.

Sehubungan itu, Fahmy berkata barisan pemain negara akan menjalani kem persediaan awal ke Birmingham di Majlis Sukan Negara, Bukit Jalil, Januari depan.

"Seramai 20 orang pemain akan dipanggil menjalani latihan di Bukit Jalil di bawah kendalian jurulatih Saizul Haffi Md Noor," katanya ketika dihubungi Bernama hari ini.

Skuad ragbi lelaki negara menghuni tangga ketujuh daripada lapan pasukan dalam kejuaraan Siri Tujuh Sebelah Ragbi Asia 2021 UAE itu.

Skuad Bunga Raya 7s menewaskan Filipina 28-19 dalam aksi penentuan tempat ketujuh / kelapan Ahad lepas.

Sri Lanka mengisi satu lagi slot kelayakan ke Birmingham selepas menduduki tangga kelima keseluruhan dalam kejohanan berkenaan.

Ini merupakan penyertaan skuad ragbi negara buat kali keenam di dalam temasya Komanwel sejak beraksi buat kali pertama ketika menjadi tuan rumah temasya itu pada 1998.

Malaysia gagal layak beraksi pada edisi 2006 di Melbourne, Australia. - ©BERNAMA

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

KITA SEMUA DITUNTUT UNTUK SENTIASA BERTAUBAT, BERISTIGHFAR